

**KEPENTINGAN LAGU WATIMANG LANDOK DALAM PEMBENTUKAN
IDENTITI RAKYAT TERENGGANU: SATU ANALISIS ANTARA LIRIK DAN
IDENTITI BUDAYA RAKYAT TERENGGANU**

AFNAN BIN ARJUNA

IJAZAAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DAN KEPUJIAN

2025

**KEPENTINGAN LAGU WATIMANG LANDOK DALAM PEMBENTUKAN
IDENTITI RAKYAT TERENGGANU: SATU ANALISIS ANTARA LIRIK DAN
IDENTITI BUDAYA RAKYAT TERENGGANU**

OLEH

AFNAN BIN ARJUNA

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan dan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya berjaya menyiapkan tugas bertajuk “kepentingan lagu watimang landok dalam pembentukan identiti rakyat terengganu: satu analisis antara lirik dan identiti budaya rakyat terengganu” ini dengan lancar dan mengikut masa yang ditetapkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah kursus, Encik Gooi Liang Jun, atas segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang penyediaan tugas ini. Segala ilmu yang dicurahkan amat saya hargai dan menjadi panduan utama dalam menyiapkan laporan ini.

Tidak dilupakan, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada kedua ibu bapa saya, Arjuna bin Husin @ Siti Aminah binti Jamin, atas doa, kasih sayang, serta sokongan moral dan emosi yang tidak pernah putus sejak dari awal pengajian saya hingga ke hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini, termasuk rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan berkongsi ilmu.

Seterusnya, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah memberikan peluang dan ruang kepada saya selaku pelajar di Fakulti FTKW untuk menjalankan dan menyiapkan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga, penghargaan kepada responden yang sudi membantu dengan menjawab persoalan menerusi temubual yang dijalankan dalam kajian ini.

Sekian, terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
ABSTRAK	v
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	10
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Skop Kajian	16
1.7 Lokasi Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	18
1.8.1 Kepentingan kepada Individu dan Generasi Muda	19
1.8.2 Kepentingan kepada Masyarakat dan Komuniti Tempatan	19
1.8.3 Kepentingan kepada Dunia Akademik dan Pendidikan	20
1.8.4 Kepentingan kepada Institusi Kebudayaan dan Dasar Awam	20
1.8.5 Kepentingan kepada Pemuliharaan Warisan Budaya	21
1.9 Rumusan Bab	21
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	23
2.1 Pengenalan	23

2.2 Sorotan Kajian Lepas	24
2.3 Lagu Rakyat Sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara	26
2.4 Lagu Watimang Landok: Asal Usul Dan Konteks Budaya	29
2.5 Analisis Lirik Dalam Lagu Rakyat Melayu	32
2.6 Identiti Budaya Dan Pembentukan Jati Diri	35
2.7 Penglibatan Masyarakat Dan Kepentingan Sosial	38
2.8 Rumusan Bab	41
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	44
3.1 Pengenalan	44
3.2 Pendekatan Kajian	45
3.3 Reka Bentuk Penyelidikan	45
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	46
3.4.1 Data Primer	46
3.4.2 Data Sekunder	46
3.5 Kaedah Analisis Data	47
3.5.1 Pemilihan Dan Transkripsi Lirik Lagu Watimang Landok	47
3.5.2 Pengenalpastian Kata Kunci, Metafora Dan Unsur Budaya Dalam Lirik	47
3.5.3 Pengekodan Tema-Tema Yang Berulang Seperti Nilai Kekeluargaan, Adat, Dialek, Dan Semangat Kenegerian	47

3.5.4 Penafsiran Simbol Dan Maksud Tersirat Berdasarkan Konteks Budaya Terengganu	47
3.5.5 Perbandingan Dapatan Dengan Teori Dan Kajian Lepas	47
3.6 Lokasi Dan Subjek Kajian	48
3.7 Etika Kajian	49
3.8 Rumusan Bab	49
BAB 4 DAPATAN KAJIAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	49
4.2 Lagu Watimang Landok Sebagai Lambang Identiti Budaya Terengganu	49
4.2.1 Bahasa Dan Dialek Sebagai Penanda Identiti Budaya	49
4.2.2 Lagu Rakyat Sebagai Simbol Identiti Kolektif Masyarakat	49
4.2.3 Identiti Tempatan Dalam Kontekskebangsaan	49
4.3 Elemen Budaya Dalam Lirik Lagu Watimang Landok	57
4.3.1 Bahasa Kiasan Sebagai Medium Penyampaian Nilai	58
4.3.2 Simbol Alam Sebagai Cerminan Cara Hidup Masyarakat	59
4.3.3 Nilai Moral dan Sosial dalam Lirik Lagu	61
4.3.4 Fungsi Lirik Lagu sebagai Naratif Kehidupan Masyarakat	62
4.4 Peranan Lagu Watimang Landok dalam Pembentukan Jati Diri Masyarakat	63
4.4.1 Pembentukan Jati Diri Individu melalui Lagu Rakyat	64

4.4.2 Jati Diri Komuniti dan Rasa Kekitaan Masyarakat	65
4.4.3 Peranan Penggiat Seni sebagai Agen Pembentukan Jati Diri	66
4.4.4 Pemindahan Budaya antara Generasi melalui Lagu Rakyat	67
4.4.5 Relevansi Lagu Watimang Landok dalam Konteks Semasa	68
4.5.1 Persepsi Generasi Muda terhadap Lagu Rakyat	69
4.6 Analisis Tema Dapatan Kajian	70
4.6.1 Tema 1: Watimang Landok sebagai Lambang Identiti Budaya Terengganu	70
4.6.2 Tema 2: Penggunaan Dialek sebagai Elemen Teras dalam Lagu Watimang Landok	71
4.6.3 Tema 3: Lagu Watimang Landok Mengandungi Nilai dan Pengajaran Hidup	71
4.6.4 Tema 4: Lagu Watimang Landok sebagai Cerminan Kehidupan Masyarakat Tradisional	72
4.6.5 Tema 5: Kepentingan Watimang Landok dalam Pemeliharaan Warisan untuk Generasi Muda	72
4.7 Rumusan Bab	73
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	75
5.1 Pengenalan	75
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	75
5.3 Implikasi Kajian	76

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.5 Kesimpulan	78
RUJUKAN	79
LAMPIRAN	81



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KEPENTINGAN LAGU WATIMANG LANDOK DALAM PEMBENTUKAN
IDENTITI RAKYAT TERENGGANU: SATU ANALISIS ANTARA LIRIK DAN
IDENTITI BUDAYA RAKYAT TERENGGANU**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kepentingan lagu rakyat Terengganu, khususnya lagu "Watimang Landok", dalam membentuk dan memelihara identiti budaya masyarakat negeri Terengganu. Lagu ini, yang merupakan sebahagian daripada warisan lisan masyarakat Melayu Terengganu, sarat dengan nilai-nilai budaya dan simbolisme tempatan yang mencerminkan cara hidup, adat, serta jati diri masyarakatnya. Kajian ini memfokus kepada dua objektif utama iaitu pertama, menganalisis lirik lagu "Watimang Landok" untuk mengenal pasti elemen budaya dan identiti yang terkandung kedua, menilai peranan lagu ini dalam memupuk semangat kebudayaan dan jati diri rakyat Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap lirik lagu serta disokong oleh sorotan kajian literatur dan sumber-sumber berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa lagu ini memainkan peranan penting dalam pemeliharaan warisan budaya dan pembentukan identiti tempatan, menjadikannya satu aset yang wajar didokumentasi dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Kata kunci: Lagu rakyat, Watimang Landok, identiti budaya, Terengganu, lirik, semangat kebudayaan

**THE IMPORTANCE OF THE WATIMANG LANDOK SONG IN FORMING THE
IDENTITY OF THE TEREONGGANU PEOPLE: AN ANALYSIS BETWEEN
LYRICS AND CULTURAL IDENTITY OF THE TEREONGGANU PEOPLE**

ABSTRACT

This study aims to examine the importance of Terengganu folk songs, especially the song "Watimang Landok", in shaping and preserving the cultural identity of the people of Terengganu. This song, which is part of the oral heritage of the Malay community of Terengganu, is loaded with local cultural values and symbolism that reflect the way of life, customs, and identity of its people. This study focuses on two main objectives, namely first, analyzing the lyrics of the song "Watimang Landok" to identify the cultural and identity elements contained, and second, evaluating the role of this song in fostering the cultural spirit and identity of the people of Terengganu. This study uses the text analysis method on the song lyrics and is supported by a review of literature and related sources. The results of the study found that this song plays an important role in preserving cultural heritage and the formation of local identity, making it an asset that should be documented and passed down to future generations.

Keywords: Folk songs, Watimang Landok, cultural identity, Terengganu, lyrics, cultural spirit

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan khazanah budaya dan seni warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Budaya tempatan yang diwarisi ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat hiburan dan pergaulan masyarakat, malah ia juga menjadi cerminan kepada identiti dan jati diri sesebuah komuniti (Istiqomah & Giovani, 2023). Di negeri Terengganu, salah satu bentuk warisan tidak ketara yang menonjol ialah lagu rakyat. Lagu rakyat memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia mengandungi unsur pendidikan, adat, petua hidup serta nilai murni yang menjadi pedoman dalam menjalani kehidupan seharian (Nugroho, 2021). Lagu-lagu ini juga digunakan untuk menyampaikan sindiran, perasaan cinta, kerinduan, dan nasihat, malah sering dinyanyikan dalam majlis-majlis adat, permainan tradisional dan perayaan

Salah satu lagu rakyat yang popular dalam kalangan masyarakat Terengganu ialah “Watimang Landok”. Lagu ini bukan sekadar hiburan tradisional, tetapi turut mencerminkan unsur budaya dan pemikiran masyarakat Terengganu yang dipaparkan melalui penggunaan dialek tempatan, metafora dan simbolisme (Istiqomah & Giovani, 2023). Watimang Landok dipercayai berasal dari tarian Saba iaitu satu bentuk seni persembahan tradisi perubatan yang kaya dengan elemen spiritual dan adat resam. Meskipun pada hari ini lagu ini dinyanyikan dalam konteks hiburan, elemen-elemen budaya yang terkandung di dalamnya masih wujud dan menjadi representasi kepada warisan seni masyarakat dahulu (Yusliza, 2022).

Lagu rakyat seperti Watimang Landok berperanan sebagai wadah penting dalam pemeliharaan dan pemindahan budaya, di mana ia menyampaikan gambaran tentang cara hidup, pandangan dunia, serta nilai sosial masyarakat yang telah lama bertapak di bumi Terengganu (Istiqomah & Giovani, 2023). Oleh kerana sifatnya yang disampaikan secara lisan dan bersifat kolektif, lagu ini tidak terikat pada satu individu tetapi diwarisi secara menyeluruh oleh komuniti. Dalam era globalisasi yang semakin mencabar kedudukan budaya tempatan, kajian terhadap lagu rakyat diperlukan bagi mengenal pasti dan memelihara unsur identiti budaya yang kian terhakis (UNESCO, 2003).

Berdasarkan kepentingan tersebut, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji lirik lagu Watimang Landok secara mendalam untuk mengenal pasti elemen-elemen budaya yang terkandung di dalamnya serta bagaimana lagu ini berfungsi dalam memupuk semangat kebudayaan dan jati diri rakyat Terengganu. Kajian ini diharap dapat menjadi usaha ke arah mengangkat semula khazanah warisan yang bernilai tinggi ini agar terus lestari dan dihargai oleh generasi masa hadapan.

Selain menjadi wadah hiburan dan seni, lagu rakyat seperti Watimang Landok juga menjadi alat dokumentasi budaya yang penting, terutamanya dalam masyarakat yang mengamalkan budaya lisan (Nugroho, 2021). Dalam masyarakat Terengganu, pelbagai aspek kehidupan termasuk hubungan kekeluargaan, cinta, adat perkahwinan, sistem kepercayaan, dan pantang larang dapat dikenalpasti menerusi lirik lagu-lagu rakyat. Nilai-nilai ini biasanya tersirat dan disampaikan secara simbolik melalui perumpamaan, kiasan dan penggambaran alam yang dekat dengan kehidupan harian masyarakat pesisir pantai seperti di Terengganu (Yusliza, 2022). Oleh yang demikian, lagu rakyat bukan sahaja

melambangkan kreativiti masyarakat, tetapi juga menjadi bukti ketamadunan dan sistem nilai yang dianuti mereka sejak dahulu (Istiqomah & Giovani, 2023).

Kemunculan lagu Watimang Landok dalam konteks moden turut mencerminkan kebolehsuaian budaya tradisional terhadap perubahan zaman. Walaupun asal usul lagu ini berkait rapat dengan upacara perubatan dan tarian ritual Saba, ia kini sering dimainkan dalam bentuk hiburan santai, pertandingan nyanyian lagu rakyat dan persembahan pentas kebudayaan (Yusliza, 2022). Transformasi ini menunjukkan bahawa walaupun bentuk penyampaian berubah, intipati budaya dan nilai tempatan masih dapat dikekalkan. Perubahan ini juga memberi peluang kepada masyarakat luar untuk mengenali Terengganu melalui warisan seni suara yang unik, serta membantu mengekalkan kesinambungan budaya dalam bentuk yang lebih mudah diterima oleh generasi muda (Nugroho, 2021).

Namun demikian, wujud cabaran dalam usaha memartabatkan semula lagu rakyat seperti Watimang Landok dalam kalangan generasi muda hari ini yang lebih terdedah kepada pengaruh global dan selera muzik luar (Istiqomah & Giovani, 2023). Kekangan ini menjadikan warisan seni lisan berisiko untuk dilupakan sekiranya tiada usaha yang serius dilakukan untuk memeliharanya. Justeru, penting bagi institusi pendidikan, badan-badan kebudayaan serta pihak kerajaan untuk memainkan peranan dalam mendokumentasi, mempromosi dan menghidupkan semula lagu-lagu rakyat ini (UNESCO, 2003). Melalui kajian seperti ini, diharap dapat menyumbang kepada kesedaran masyarakat tentang pentingnya warisan lagu rakyat sebagai satu bentuk identiti budaya yang perlu dihargai, dikaji dan diwariskan secara terancang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan khazanah budaya dan seni warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Budaya tempatan yang diwarisi ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat hiburan dan pergaulan masyarakat, malah ia juga menjadi cerminan kepada identiti dan jati diri sesebuah komuniti (Istiqomah & Giovani, 2023). Dalam konteks negeri Terengganu, lagu rakyat berfungsi sebagai cerminan sejarah sosial, emosi kolektif, serta nilai-nilai yang dianuti oleh masyarakat (Hasan & Jaafar, 2017). Salah satu lagu yang masih kekal diingati sehingga hari ini ialah "Watimang Landok". Lagu ini bukan sahaja popular dalam kalangan masyarakat tempatan, malah ia turut menjadi bahan rujukan dalam bidang seni, pendidikan, dan penyelidikan budaya kerana kaya dengan makna tersirat serta mencerminkan identiti rakyat Terengganu (Yusliza, 2022).

Lagu "Watimang Landok" dipercayai berasal daripada latar seni persembahan tradisional yang dikenali sebagai tarian Saba, iaitu suatu bentuk persembahan ritual yang berfungsi sebagai medium penyembuhan secara spiritual oleh bomoh wanita pada zaman dahulu (Yusliza, 2022). Watimang Landok kemudiannya diangkat sebagai lagu rakyat Terengganu melalui proses adaptasi dan penyesuaian supaya sesuai dinyanyikan dalam majlis-majlis keramaian dan persembahan kebudayaan. Lirik lagu ini disampaikan dalam dialek Terengganu yang pekat, mencerminkan keaslian bahasa dan identiti linguistik yang unik. Di sebalik struktur lirik yang ringkas dan berpantun, tersembunyi simbol dan perumpamaan yang merujuk kepada nilai cinta, halangan hidup, serta pandangan hidup masyarakat Melayu Terengganu (Nugroho, 2021).

Pemilihan lagu ini sebagai subjek kajian bukan sahaja kerana popularitinya, tetapi juga kerana kebolehannya mewakili suara kolektif masyarakat Terengganu. Elemen- elemen budaya seperti penggunaan bahasa tempatan, nilai kesantunan dalam perhubungan, kebergantungan kepada alam, dan kepentingan menjaga maruah dalam masyarakat dapat dikenalpasti dalam baris-baris liriknya (Istiqomah & Giovani, 2023). Di samping itu, lagu ini turut berperanan sebagai alat komunikasi budaya antara generasi, di mana anak-anak muda didedahkan dengan kearifan tempatan melalui nyanyian dan penceritaan orang tua. Namun, dalam era moden yang sarat dengan budaya luar dan muzik global, penerimaan terhadap lagu-lagu rakyat semakin berkurangan, justeru memerlukan pendekatan penyelidikan dan pemuliharaan yang serius agar nilai-nilai budaya tersebut tidak luput ditelan zaman (UNESCO, 2003).

Kajian ini diusahakan sebagai satu bentuk intervensi akademik untuk mengangkat semula warisan lagu rakyat Terengganu agar terus dihargai dan difahami makna budayanya oleh masyarakat kini. Melalui kajian terhadap lirik lagu "Watimang Landok", pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti elemen budaya dan identiti yang terkandung di dalamnya serta menilai peranannya dalam memupuk semangat kebudayaan dan jati diri rakyat Terengganu. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang kesenian, pendidikan kebudayaan, dan usaha pemeliharaan warisan tidak ketara negara secara menyeluruh (Istiqomah & Giovani, 2023).

1.3 Permasalahan Kajian

Kebudayaan sesuatu masyarakat berperanan penting dalam mencorakkan jati diri, cara hidup dan sistem nilai masyarakat tersebut (Istiqomah & Giovani, 2023). Namun begitu, dalam era globalisasi masa kini, kita dapat melihat kecenderungan masyarakat, terutamanya generasi muda, semakin menjauh daripada warisan tradisional yang telah sekian lama menjadi teras pembentukan identiti tempatan (Nugroho, 2021). Antara aspek budaya yang paling terkesan adalah warisan tidak ketara seperti lagu rakyat, puisi tradisional, dan cerita lisan. Lagu rakyat yang dahulunya menjadi medium hiburan, pendidikan, dan penceritaan masyarakat, kini semakin terpinggir dan kurang dikenali (Lim, 2018). Begitu juga halnya dengan lagu "Watimang Landok" yang satu ketika dahulu sering dinyanyikan dalam pelbagai majlis dan persembahan, kini hanya dikenali oleh segelintir lapisan masyarakat sahaja.

Kebanyakan masyarakat hari ini tidak lagi memahami makna tersirat di sebalik lirik lagu rakyat. Perubahan gaya hidup moden serta pengaruh arus muzik popular telah menjadikan lagu-lagu tradisional kelihatan asing dan tidak relevan kepada generasi muda (Nor Azman, 2016). Tambahan pula, kekurangan dokumentasi ilmiah serta usaha sistematik untuk mengkaji dan mengangkat kembali lagu rakyat menjadikan warisan ini berisiko untuk dilupakan (JKKN, 2020). Kesan daripada pengabaian ini bukan sahaja akan menjejaskan pemahaman terhadap budaya sendiri, malah turut menghakis nilai-nilai murni yang terkandung dalam seni tradisi yang diwarisi. Oleh itu, satu kajian khusus perlu dijalankan bagi mengenal pasti dan menilai kembali makna budaya dan identiti yang terkandung dalam lagu-lagu seperti "Watimang Landok".

Permasalahan utama yang menjadi teras kajian ini adalah sejauh mana masyarakat hari ini, khususnya generasi muda, memahami dan menghargai nilai-nilai budaya yang terkandung dalam lagu rakyat Terengganu. Adakah lirik lagu "Watimang Landok" sekadar hiburan semata-mata, atau sebenarnya mengandungi unsur budaya yang penting dalam membentuk jati diri masyarakat? Apakah elemen-elemen budaya yang dapat dikenal pasti dalam liriknya? Dan bagaimana elemen-elemen tersebut mampu memupuk semangat kebudayaan dan memperkukuh identiti masyarakat Terengganu? Persoalan- persoalan ini memerlukan satu pendekatan penyelidikan yang rapi dan kritikal, agar lagu ini tidak terus dilupakan, tetapi sebaliknya dimartabatkan sebagai khazanah budaya yang bernilai tinggi (Abdullah, Mohamad Soupi, 2019).

1.4 Objektif Kajian

Sesuai kajian dapat dilaksanakan dengan lebih lancar sekiranya terdapat objektif yang jelas. Bagi kajian kepentingan lagu watimang landok dalam pembentukan identiti rakyat terengganu: satu analisis antara lirik dan identiti budaya rakyat terengganu.

1.4.1 Mengkaji lirik lagu watimang landok untuk mengenal pasti elemen budaya yang terkandung di dalamnya dan identiti budaya rakyat terengganu.

1.4.2 Menilai kepentingan dalam memupuk semangat kebudayaan dan jati diri masyarakat terengganu.

1.5 Persoalan Kajian

Di sebalik objektif pasti terdapat persoalan kajian. Bagi kajian kepentingan lagu watimang landok dalam pembentukan identiti rakyat terengganu: satu analisis antara lirik dan identiti budaya rakyat terengganu.

1.5.1 Apakah elemen budaya dan identiti budaya yang dapat dikenal pasti terkandung dalam lirik lagu watimang landok?

1.5.2 Bagaimanakah lirik lagu watimang landok memupuk semangat kebudayaan dan jati diri masyarakat terengganu?

1.6 Skop Kajian


Skop kajian merujuk kepada batasan dan ruang lingkungan yang menjadi fokus utama dalam sesebuah penyelidikan (Silverman, 2013). Ia penting untuk memastikan kajian yang dijalankan tidak bersifat terlalu umum dan dapat difokuskan kepada aspek tertentu yang berkaitan secara langsung dengan objektif penyelidikan. Dalam kajian ini, penyelidik memberi tumpuan khusus kepada analisis kandungan lirik lagu rakyat Terengganu bertajuk “Watimang Landok” dan kaitannya dengan pembentukan identiti budaya masyarakat di Kampung Banggol Tok Jiring, Kuala Nerus, Terengganu.

Aspek utama yang diberi perhatian dalam skop kajian ini adalah analisis terhadap lirik lagu dari sudut elemen budaya yang terkandung di dalamnya. Penyelidikan ini tidak tertumpu kepada aspek teknikal muzik atau sejarah penciptaan lagu secara terperinci, tetapi lebih memfokus kepada simbolisme, penggunaan bahasa dan nilai budaya yang tersurat dan tersirat dalam lirik lagu tersebut (Nugroho, 2021; Silverman, 2013).

Selain itu, skop kajian juga meliputi penilaian terhadap peranan lagu “Watimang Landok” dalam menyumbang kepada pemupukan jati diri dan semangat kebudayaan dalam kalangan masyarakat Kampung Banggol Tok Jiring. Kajian ini meneliti bagaimana lagu ini mampu menjadi alat pendidikan budaya tidak formal dan medium perhubungan antara generasi, khususnya dalam kalangan komuniti Melayu luar bandar di daerah Kuala Nerus (Istiqomah & Giovani, 2023). Oleh itu, pengkaji tidak melibatkan analisis terhadap semua jenis lagu rakyat Terengganu, tetapi hanya memberi fokus tunggal kepada lagu "Watimang Landok" sebagai kajian kes utama yang mewakili genre lagu rakyat tempatan.

Dari sudut geografi dan konteks budaya, kajian ini difokuskan sepenuhnya kepada masyarakat Kampung Banggol Tok Jiring di daerah Kuala Nerus, Terengganu yang dikenal pasti sebagai antara pewaris tradisi lisan ini. Namun, perbincangan dan dapatan juga mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap pemeliharaan warisan tidak ketara Melayu di peringkat negeri dan nasional. Kajian ini tidak melibatkan kaji selidik lapangan berskala besar, tetapi lebih bersifat analitik dan reflektif dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian teks dan sorotan literatur berkaitan (Silverman, 2013).

1.7 Lokasi Kajian



Rajah 1.1: Peta lokasi Kajian

Sumber Google Maps

<https://maps.app.goo.gl/D85x6JFcSyLR9aZe8>

Kajian ini dijalankan dengan memberi tumpuan kepada Kampung Banggol Tok Jiring, yang terletak dalam daerah Kuala Nerus, Terengganu. Lokasi ini dipilih kerana ia merupakan salah satu kawasan yang masih mengekalkan unsur tradisi dan amalan budaya lisan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Selain itu, Kampung Banggol Tok Jiring dikenali sebagai antara kawasan yang aktif dalam kegiatan kebudayaan tempatan, termasuk penganjuran persembahan lagu rakyat, pertandingan nyanyian tradisional dan aktiviti

kesenian yang melibatkan komuniti setempat.

Pemilihan lokasi ini turut dipengaruhi oleh kaitan geografi dan budaya dengan asal usul lagu "Watimang Landok", yang dipercayai berasal daripada bentuk seni persembahan tradisi seperti Tarian Saba yang lazimnya berkembang dalam komuniti pesisir Terengganu. Walaupun kini lagu ini tidak lagi digunakan dalam konteks ritual, ia masih diingati dan dinyanyikan dalam kalangan masyarakat lebih berumur di kawasan luar bandar seperti Kampung Banggol Tok Jiring. Ketersambungan generasi serta penglibatan aktif masyarakat kampung ini dalam pemuliharaan seni suara menjadikan lokasi ini relevan dan signifikan untuk kajian ini (Istiqomah & Giovani, 2023).

Tambahan pula, lokasi ini dipilih kerana kemudahan pengkaji untuk mendapatkan sumber primer dan maklumat langsung daripada komuniti tempatan yang masih menyimpan pengetahuan berkaitan lagu tersebut. Melalui interaksi secara langsung, pengkaji dapat memahami makna tersirat lirik "Watimang Landok" serta menilai peranannya dalam membentuk identiti budaya masyarakat Melayu Terengganu dalam konteks lokal yang lebih jelas.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengangkat semula martabat warisan lagu rakyat sebagai komponen penting dalam pembentukan identiti budaya masyarakat tempatan, khususnya di negeri Terengganu. Dalam era yang dipengaruhi oleh arus globalisasi dan budaya popular antarabangsa, warisan budaya tidak ketara seperti lagu rakyat semakin terpinggir dan

berdepan risiko kepupusan (UNESCO, 2003; Mohd Taib, 2018). Justeru, penyelidikan ini membawa kepentingan dari pelbagai dimensi sama ada dari sudut budaya, pendidikan, masyarakat, mahupun penggubalan dasar kebudayaan negara (MOTAC, 2022).

1.8.1 Kepentingan Kepada Individu Dan Generasi Muda

Kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada individu, khususnya generasi muda tentang kepentingan memahami dan menghargai nilai-nilai budaya yang terkandung dalam lagu rakyat seperti “Watimang Landok” (Nor Azman, 2016). Melalui analisis lirik yang sarat dengan kiasan dan simbolisme, individu dapat menyelami pemikiran masyarakat terdahulu, mengenali dialek dan peribahasa tradisional, serta memahami bagaimana unsur budaya diwariskan secara lisan (Lim, 2018). Kesedaran ini penting untuk membina rasa bangga terhadap jati diri tempatan dan menjadi pertahanan kepada pengaruh budaya luar yang tidak selari dengan nilai ketimuran (ERIK, 2022).

1.8.2 Kepentingan Kepada Masyarakat Dan Komuniti Tempatan

Dari sudut sosial dan komuniti, kajian ini dapat mengukuhkan semangat kebersamaan dan warisan bersama dalam kalangan masyarakat Terengganu. Lagu rakyat seperti "Watimang Landok" berperanan sebagai penghubung antara generasi, menyatukan masyarakat melalui persembahan, nyanyian, dan penyampaian cerita dalam suasana yang bersifat kolektif (Lim, 2018). Melalui dokumentasi dan pendedahan semula terhadap makna budaya dalam lirik lagu ini, masyarakat akan lebih terdorong untuk memelihara dan meneruskan amalan seni tradisi yang telah diwarisi sekian lama (Mohd Taib, 2018).

1.8.3 Kepentingan Kepada Dunia Akademik Dan Pendidikan

Kajian ini juga penting kepada bidang akademik kerana dapat memperkayakan khazanah ilmu pengetahuan tentang warisan budaya tidak ketara di Malaysia. Penyelidikan ini membuka ruang kepada pengkaji, pelajar dan pendidik untuk menjadikan lagu rakyat sebagai bahan kajian ilmiah dalam bidang sastera, budaya, dan antropologi (Mohd Ghouse Nasuruddin, 2008). Di samping itu, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam kursus kebudayaan, warisan, dan pendidikan sivik, seterusnya memperkukuhkan pendidikan nilai dalam sistem pendidikan negara (Ghazali & Ibrahim, 2023).

1.8.4 Kepentingan Kepada Institusi Kebudayaan Dan Daar Awam

Dari sudut dasar dan perancangan kebudayaan, kajian ini memberikan maklumat penting kepada institusi seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta kerajaan negeri Terengganu dalam merangka inisiatif pemuliharaan dan promosi lagu rakyat. Dengan adanya kajian terperinci terhadap kandungan lirik dan nilai budaya yang terkandung, pihak berwajib dapat merancang program dan dokumentasi yang lebih sistematik serta menyokong pengiktirafan lagu rakyat sebagai warisan tidak ketara yang perlu didaftarkan dan dilindungi secara rasmi.

1.8.5 Kepentingan Kepada Pemuliharaan Warisan Budaya

Akhir sekali, kajian ini menyumbang kepada usaha berterusan dalam pemuliharaan dan pendigitalan warisan budaya tidak ketara. Lagu-lagu seperti “Watimang Landok” bukan sahaja perlu dipelihara melalui rakaman dan persembahan, tetapi juga perlu dianalisis, didokumentasi dan dikaji secara ilmiah agar maknanya dapat difahami dalam konteks asal (Omar & Mokhtar, 2017). Kajian ini menjadi satu usaha ke arah memastikan warisan seni tradisional kekal relevan, hidup dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang dalam bentuk yang asli dan bermakna.

1.9 Rumusan Bab

Bab ini telah mengemukakan asas penting kepada keseluruhan penyelidikan yang dijalankan. Permulaan bab membincangkan pengenalan kepada warisan budaya tidak ketara, khususnya lagu rakyat sebagai sebahagian daripada identiti budaya masyarakat Terengganu. Lagu "Watimang Landok" dipilih sebagai fokus utama kerana ia merupakan lagu rakyat yang sarat dengan nilai budaya, simbolisme, dan dialek tempatan yang mencerminkan kehidupan masyarakat dahulu.

Kajian ini dibina berpandukan dua objektif utama, iaitu untuk mengenal pasti elemen budaya yang terkandung dalam lirik lagu "Watimang Landok", serta menilai kepentingan lagu tersebut dalam memupuk semangat kebudayaan dan jati diri rakyat Terengganu. Seiring dengan itu, dua persoalan kajian dikemukakan bagi memberi fokus kepada aspek kandungan budaya dan peranan sosial lagu dalam pembentukan identiti masyarakat tempatan.

Skop kajian dijelaskan dengan menghadkan fokus kepada analisis kandungan lirik secara kualitatif, melibatkan masyarakat Melayu Terengganu sebagai konteks budaya, manakala lokasi kajian ditumpukan di negeri Terengganu yang menjadi latar geografi dan budaya asal lagu ini. Kepentingan kajian telah dihuraikan dari pelbagai sudut termasuk kepada individu, masyarakat, dunia akademik, institusi kebudayaan serta usaha pemuliharaan warisan.

Secara keseluruhannya, bab ini memberikan kerangka awal kepada kajian yang akan dijalankan dan membentuk asas kepada perbincangan dalam bab-bab seterusnya. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna dalam memahami serta mengangkat semula warisan lagu rakyat sebagai satu medium penting dalam pembentukan dan pengukuhan identiti budaya masyarakat Terengganu.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan warisan budaya tidak ketara, lagu rakyat sebagai medium warisan lisan, serta pengaruhnya dalam pembentukan identiti budaya masyarakat. Sorotan literatur ini amat penting bagi memastikan bahawa penyelidikan yang dijalankan mempunyai asas teori yang kukuh dan tidak bertindih dengan kajian sedia ada (Hasan, & Jaafar, 2017). Dalam konteks kajian ini, fokus utama adalah kepada lagu rakyat Terengganu yang dikenali sebagai Watimang Landok, dan bagaimana liriknya menjadi lambang jati diri serta cerminan kepada budaya masyarakat Terengganu.

Kajian literatur ini juga bertujuan untuk mengenal pasti dapatan-dapatan utama dalam penyelidikan lepas yang relevan, meneliti pendekatan analisis terhadap lirik lagu rakyat, serta meneroka sejauh mana warisan lisan seperti lagu rakyat diiktiraf sebagai komponen penting dalam pemeliharaan identiti budaya (UNESCO, 2003; JKKN, 2020). Kajian ini turut mengambil kira perspektif ahli akademik dan institusi seperti UNESCO, JKKN dan penyelidik tempatan berkaitan kepentingan dokumentasi, pendidikan budaya dan kesinambungan warisan seni suara rakyat.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

Kajian terhadap lagu rakyat sebagai komponen warisan budaya tidak ketara telah menarik perhatian ramai pengkaji dalam bidang antropologi, muzik tradisional, sosiologi, dan warisan budaya. Tumpuan utama kajian-kajian ini adalah terhadap peranan lagu rakyat dalam mengekspresikan nilai-nilai masyarakat, identiti budaya tempatan, serta sebagai medium pendidikan sosial yang diwariskan secara turun-temurun.

Menurut Rosli Abdul Wah (2017), lagu rakyat berfungsi sebagai mekanisme sosial yang menyampaikan ajaran moral, menyatukan komuniti dan mengekalkan memori kolektif masyarakat terhadap sejarah serta cara hidup nenek moyang mereka. Lagu rakyat, kata beliau, bersifat dinamik dan sentiasa berubah mengikut konteks zaman tetapi masih mengekalkan elemen intipati budaya asalnya. Kajian beliau yang menumpukan kepada lagu-lagu rakyat negeri Pahang turut menekankan kepentingan dialek tempatan sebagai salah satu unsur utama pembentuk identiti.

Menurut Abdullah & Mohamad Soup, lagu rakyat Melayu didekati daripada sudut sastera lisan, dengan meneliti teknik perulangan, gaya bahasa, dan struktur pantun yang membentuk naratif dalam lagu. Beliau menyatakan bahawa lirik lagu rakyat bukan sekadar hiburan tetapi menjadi wadah penyampaian mesej tersirat mengenai hubungan manusia dengan alam, kehidupan sosial dan nilai kehidupan berasaskan adat. Ini dapat dikaitkan dengan lirik dalam Watimang Landok yang sarat dengan kiasan dan peribahasa tempatan yang mencerminkan pemikiran dan falsafah hidup orang Melayu Terengganu.

Sementara itu, laporan UNESCO, (2003) tentang “Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage” telah menegaskan bahawa warisan budaya tidak ketara seperti lagu rakyat merupakan asas penting kepada kesinambungan budaya sesuatu komuniti. Warisan ini termasuk seni persembahan, bahasa, tradisi lisan dan ekspresi budaya yang diwariskan secara lisan dari generasi ke generasi. UNESCO menekankan bahawa tanpa usaha dokumentasi dan pengiktirafan rasmi, elemen budaya ini berisiko lenyap seiring perubahan zaman dan gaya hidup moden.

Dalam konteks Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) juga telah menggariskan bahawa lagu rakyat merupakan sebahagian daripada seni tradisi Melayu yang perlu dikaji, dipelihara dan dipopularkan kembali sebagai salah satu usaha mengekalkan jati diri kebangsaan. JKKN telah menjalankan usaha mendokumentasikan lagu-lagu rakyat di pelbagai negeri termasuk Terengganu. Dalam penerbitan Pemetaan Budaya, JKKN menyenaraikan lagu Watimang Landok sebagai salah satu lagu yang penting dalam landskap budaya negeri tersebut. Namun demikian, belum banyak kajian akademik yang mendalam dilakukan terhadap kandungan lirik lagu ini secara terperinci oleh kerana itu inilah ruang yang cuba diisi oleh kajian ini.

Kajian oleh Wan Abdul Halim (2021) mengenai pemeliharaan warisan tidak ketara dalam kalangan generasi muda pula menekankan bahawa pengetahuan terhadap lagu rakyat boleh dijadikan alat pendidikan budaya dalam institusi sekolah dan komuniti. Beliau mencadangkan bahawa pengajaran lagu rakyat dalam konteks formal pendidikan boleh membantu pelajar menghayati nilai budaya dan memperkukuh hubungan antara generasi.

Dalam kajian oleh Hasan & Jaafar, (2019) mengenai penggunaan dialek dalam lagu rakyat Kelantan, beliau menunjukkan bahawa penggunaan bahasa tempatan bukan sahaja memberi identiti unik kepada lagu tersebut, malah menjadi lambang kekuatan bahasa daerah yang perlu dipelihara. Hal ini relevan dengan lagu Watimang Landok yang menggunakan dialek Terengganu secara menyeluruh, menjadikannya bukan sekadar lagu tetapi juga bukti linguistik yang bernilai tinggi dalam kajian warisan budaya.

Daripada sorotan kajian lepas ini, jelas bahawa wujud keperluan untuk memberikan fokus khusus terhadap lagu-lagu rakyat yang lebih spesifik, terutama seperti Watimang Landok yang kurang dibincangkan dalam kajian akademik secara terperinci. Penelitian terhadap struktur lirik, konteks budaya dan impaknya terhadap pembentukan identiti masih belum dikupas sepenuhnya. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada lirik Watimang Landok sebagai satu teks budaya yang boleh diteliti untuk mengenal pasti elemen budaya dan peranannya dalam memupuk jati diri masyarakat Terengganu.

2.3 Lagu Rakyat Sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara

Warisan budaya tidak ketara merangkumi elemen-elemen budaya yang tidak berbentuk fizikal tetapi memainkan peranan penting dalam mencorakkan identiti, kehidupan sosial dan sistem kepercayaan sesuatu masyarakat. UNESCO (2003) dalam “Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage” telah menyenaraikan lima domain utama warisan budaya tidak ketara iaitu tradisi lisan termasuk bahasa sebagai medium warisan, seni persembahan, amalan sosial, ritual dan perayaan, pengetahuan dan amalan berkaitan alam

semula jadi, dan kemahiran kraf tradisional. Lagu rakyat termasuk dalam dua domain utama iaitu seni persembahan dan tradisi lisan.

Lagu rakyat merupakan hasil seni suara masyarakat yang dilahirkan secara kolektif oleh komuniti dan disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang lain. Ia biasanya tidak diketahui penciptanya secara spesifik kerana dihasilkan melalui pengalaman, pengamatan dan imaginasi kolektif masyarakat itu sendiri. Dalam banyak masyarakat tradisional, lagu rakyat bukan sekadar alat hiburan, tetapi juga medium penyampaian nilai moral, nasihat, pendidikan tidak formal serta sejarah lisan komuniti. Oleh kerana sifatnya yang hidup dalam masyarakat, lagu rakyat juga mengalami perubahan dari semasa ke semasa tetapi tetap mengekalkan struktur asas dan tema-tema tradisional yang penting.

Di Malaysia, lagu rakyat Melayu telah menjadi sebahagian daripada sistem nilai dalam kehidupan masyarakat sejak berabad lamanya. Menurut Erik (2016), lagu rakyat mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisional yang sangat dekat dengan alam, penuh dengan perumpamaan, kiasan dan pengajaran. Kandungan lagu-lagu ini sering menyentuh aspek kasih sayang, pantang larang, kehidupan desa, penghargaan terhadap alam dan kesopanan dalam percintaan. Dalam sesetengah komuniti seperti di Terengganu, Kelantan dan Kedah, lagu rakyat juga berperanan sebagai unsur ritual, termasuk dalam konteks penyembuhan dan keagamaan.

Lagu rakyat juga menjadi wadah linguistik yang penting dalam mengekalkan bahasa ibunda dan dialek tempatan. Di negeri-negeri seperti Terengganu, lagu rakyat menjadi antara satu-satunya bentuk seni yang masih mengekalkan penggunaan dialek tempatan secara

menyeluruh. Dialek Terengganu yang kaya dengan istilah, sebutan dan gaya tersendiri sukar dipertahankan melalui media moden, namun kekal hidup dalam lagu-lagu seperti Watimang Landok. Justeru, lagu rakyat juga menjadi alat pemeliharaan bahasa dan keunikan identiti linguistik yang sangat penting bagi sesebuah etnik atau wilayah.

Dari sudut sosial pula, lagu rakyat berfungsi sebagai pengikat hubungan dalam masyarakat. Ia sering dinyanyikan dalam majlis keramaian, permainan tradisional, pesta menuai, kenduri kahwin dan upacara adat tertentu. Dalam konteks ini, lagu rakyat menjadi mekanisme sosial yang menyatukan komuniti, menghubungkan generasi tua dan muda, serta memperkukuh rasa kebersamaan melalui nilai dan memori yang dikongsi. Hal ini turut dijelaskan oleh Abdullah (2019) yang menyatakan bahawa lagu rakyat menjadi ‘suara masyarakat’ yang mewakili pengalaman, kerinduan dan harapan sesuatu komuniti.

Namun begitu, perubahan gaya hidup moden telah membawa cabaran besar kepada kelangsungan lagu rakyat sebagai warisan budaya. Pengaruh muzik komersial, perubahan sistem pendidikan dan kurangnya pendedahan terhadap seni tradisional menyebabkan minat terhadap lagu rakyat semakin berkurangan, khususnya dalam kalangan generasi muda (Soupi & Samsudin, 2019). Oleh itu, penyelidikan dan dokumentasi terhadap lagu-lagu rakyat perlu dilakukan secara sistematik dan akademik agar nilai-nilai budaya yang terkandung di dalamnya tidak pupus begitu sahaja.

Dalam konteks kajian ini, Watimang Landok merupakan salah satu contoh lagu rakyat yang masih bertahan dalam ingatan masyarakat Terengganu, walaupun penggunaannya kini lebih terhad. Lagu ini dianggap penting kerana bukan sahaja memperlihatkan kekayaan dialek

dan simbolisme budaya tempatan, malah menunjukkan bagaimana sesuatu karya seni boleh menjadi asas kepada pembinaan identiti, jati diri dan kesinambungan warisan (Abdullah & Hassan, 2017). Oleh itu, penyelidikan ini berhasrat untuk memperkukuh pemahaman terhadap lagu rakyat sebagai warisan budaya tidak ketara yang wajar diberi perhatian serius dalam kerangka pembangunan budaya negara.

2.4 Lagu Watimang Landok: Asal Usul Dan Konteks Budaya

Lagu Watimang Landok merupakan salah satu lagu rakyat tradisional Terengganu yang memiliki sejarah dan konteks budaya yang kaya. Lagu ini telah diwariskan secara lisan dalam kalangan masyarakat sejak berdekad lamanya, khususnya dalam kalangan masyarakat pesisir dan pedalaman di daerah Hulu Terengganu, Dungun dan kawasan kampung yang berpegang kuat kepada amalan seni tradisi. Meskipun tiada tarikh khusus yang merekodkan asal-mula penciptaan lagu ini, kehadirannya yang berterusan dalam pelbagai bentuk persembahan budaya membuktikan bahawa ia telah lama menjadi sebahagian daripada identiti budaya negeri Terengganu (JKKN, 2017; Mohd Zain, 2020). Menurut catatan daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), lagu Watimang Landok berasal daripada seni persembahan ritual yang dikenali sebagai Tarian Saba, iaitu sejenis upacara tradisi masyarakat Melayu Terengganu yang berkait dengan unsur perubatan dan spiritual (JKKN, 2017).

Tarian ini biasanya dipersembahkan oleh seorang bomoh wanita atau dukun dalam konteks rawatan tradisional bagi menolak penyakit yang dipercayai berpunca daripada gangguan makhluk halus. Dalam persembahan Saba, lagu-lagu tradisional dinyanyikan secara

berulang dengan iringan alat muzik seperti rebana, gong dan anak gendang bagi mewujudkan suasana trans dan kesedaran spiritual (Samsudin, & Ahmad, 2019). Lagu Watimang Landok dipercayai menjadi salah satu rangkaian lagu yang dinyanyikan dalam upacara tersebut. Namun, seiring perubahan zaman dan kemunculan hiburan moden, fungsi lagu ini telah berubah daripada ritual kepada hiburan rakyat. Versi moden lagu ini telah digubah dan dinyanyikan semula oleh beberapa tokoh budaya Terengganu, antaranya Pok Ramli dan Jantan Ahmad, yang menyusun semula lirik dan iramanya supaya sesuai dipersembahkan dalam pertandingan nyanyian lagu rakyat, persembahan pentas dan festival kebudayaan negeri. Namun, kandungan asal budaya dalam lagu tersebut masih lagi dikekalkan (Ismail, 2019).

Lirik lagu ini mengandungi unsur puisi rakyat dan pantun dua kerat yang padat dengan simbolisme. Perkataan seperti “watimang”, “landok”, “tughung”, “nyior manih” dan “gajah berantai” merupakan simbol budaya dan peribahasa setempat yang membawa maksud tertentu. Contohnya, “gajah berantai” memberi gambaran tentang halangan besar dalam percintaan atau kehidupan, manakala “nyior manih pelepah lembuk” pula menggambarkan kelembutan dan manisnya watak seseorang. Struktur puitis ini bukan sahaja menunjukkan kreativiti masyarakat dalam menyampaikan emosi dan mesej, tetapi juga mencerminkan keindahan bahasa lisan orang Melayu Terengganu (Nor Azman, 2016).

Salah satu aspek penting yang menjadikan lagu Watimang Landok sebagai warisan budaya ialah penggunaannya yang konsisten terhadap dialek Terengganu. Dialek ini, yang kaya dengan bunyi ‘gh’, penggunaan awalan unik dan struktur ayat tersendiri, menjadi lambang identiti linguistik masyarakat tempatan. Lagu ini membantu mengekalkan kefahaman dan penghargaan terhadap dialek tersebut, sekaligus memperkukuh jati diri

linguistik yang semakin terhakis dalam arus globalisasi bahasa baku dan media massa nasional (Basyari, 2013)

Konteks budaya lagu ini juga tidak dapat dipisahkan daripada fungsi sosialnya dalam kehidupan masyarakat Terengganu. Ia sering dinyanyikan semasa aktiviti kampung, pertandingan lagu rakyat, sambutan kebudayaan dan majlis-majlis rasmi peringkat daerah dan negeri. Dalam konteks ini, Watimang Landok telah beralih daripada seni ritual kepada bentuk ekspresi budaya yang berperanan dalam memperkenalkan Terengganu kepada dunia luar, selain menjadi medium untuk membina semangat kenegerian dalam kalangan masyarakatnya sendiri (Abdullah & Hassan, 2017). Lagu ini juga berfungsi sebagai wadah penyatuan generasi. Generasi tua masih menghafal dan memahami makna tersirat lagu ini, manakala generasi muda mula mengenalinya melalui persembahan sekolah, pertandingan seni suara dan program anjuran jabatan kebudayaan. Hal ini membolehkan dialog budaya antara generasi berlaku dalam suasana yang menyemai penghargaan terhadap warisan, sekaligus memperkukuh kesinambungan identiti budaya negeri.

Secara keseluruhan, lagu Watimang Landok adalah lebih daripada sekadar nyanyian tradisional. Ia adalah naratif kolektif masyarakat Terengganu yang merangkumi unsur bahasa, seni, kepercayaan, sosial dan emosi yang telah dibentuk dan diwariskan sejak dahulu. Kajian terhadap lagu ini membolehkan kita menyingkap bukan sahaja struktur kesusasteraan lisan Melayu, tetapi juga pemikiran, nilai dan cara hidup masyarakat Terengganu yang unik dan istimewa.

2.5 Analisis Lirik Dalam Lagu Rakyat Melayu

Analisis lirik dalam lagu rakyat merupakan pendekatan penting dalam memahami mesej budaya, simbolisme sosial dan falsafah hidup masyarakat yang terakam dalam bentuk seni suara. Lirik lagu rakyat Melayu bukan sekadar rangkaian kata yang indah, tetapi adalah refleksi kepada nilai, pemikiran, pengalaman dan identiti masyarakat yang menciptanya. Menurut Abdullah (2019), lirik lagu rakyat merupakan satu bentuk komunikasi budaya yang menyampaikan pandangan dunia masyarakat terdahulu secara simbolik dan tersirat.

Dalam tradisi Melayu, lirik lagu rakyat selalunya dibina berdasarkan struktur puisi lisan seperti pantun, syair atau gurindam. Struktur ini memberikan keindahan tersendiri melalui rima, irama dan pengulangan kata yang menjadikan mesej lebih mudah diingati dan disampaikan secara lisan. Dalam konteks lagu Watimang Landok, liriknya lebih menyerupai bentuk pantun dua kerat yang padat dengan maksud dan penuh dengan metafora. Ini bersesuaian dengan tradisi lisan masyarakat Melayu Terengganu yang kaya dengan bahasa simbolik dan perumpamaan.

Watimang watimang landok,
Landok sesama landok,
Tughung ke patalah dek nandung,
Membeli begghah,
Berghah mari begghah,
Gajah begghantai,
Gajah begghantai ganung tandang...

Baris-baris ini kelihatan ringkas tetapi membawa makna yang mendalam. “Landok sesama landok” boleh ditafsirkan sebagai perlambangan kepada dua individu yang berasal dari latar yang sama, namun terpaksa berpisah kerana halangan. Istilah seperti “gajah berantai” dan “ganung tandang” adalah perlambangan kepada halangan besar yang sukar ditempuhi, terutamanya dalam konteks hubungan atau kehidupan.

Menurut Mohamad Soupi (2019), elemen simbolik dalam lirik lagu rakyat Melayu seringkali menggunakan unsur alam dan haiwan sebagai kiasan kepada emosi manusia. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam Watimang Landok, apabila alam dijadikan latar untuk menggambarkan kepiluan, cinta, rintangan dan keindahan. Unsur-unsur seperti nyior (kelapa), pelepah, air, tanah dan binatang menjadi gambaran kepada pengalaman hidup masyarakat Melayu yang bergantung kepada alam semula jadi untuk bertahan dan memahami kehidupan.

Lirik lagu rakyat juga sering menampilkan dialek tempatan sebagai ciri utama. Penggunaan dialek bukan sahaja memberikan identiti kepada lagu, malah memperkukuh hubungan emosi antara penyanyi dan komuniti. Dalam Watimang Landok, penggunaan dialek Terengganu bukan sahaja memperlihatkan keunikan linguistik, tetapi turut memelihara bahasa yang kian kurang digunakan dalam konteks rasmi (Jalaluddin, 2021). Istilah seperti “tughung”, “beghah”, dan “berghantai” adalah khas kepada dialek tempatan dan hanya dapat difahami secara penuh oleh pendengar yang berasal dari komuniti berkenaan.

Selain itu, gaya bahasa yang digunakan dalam lirik juga menunjukkan kehalusan budi dan kesantunan masyarakat Melayu dalam menyampaikan perasaan. Tiada perkataan kasar atau nada langsung, sebaliknya emosi disampaikan melalui perumpamaan dan simbolisme yang tinggi. Kaedah ini secara tidak langsung mendidik masyarakat untuk berbicara secara beradab dan menghormati norma sosial yang telah dipersetujui oleh masyarakat (Abd Rahim, 2014).

Analisis lirik juga boleh digunakan untuk mengenal pasti nilai-nilai budaya yang tersirat dalam lagu rakyat. Nilai seperti kesetiaan, kasih sayang, hormat kepada orang tua, semangat gotong-royong, serta kebergantungan kepada Tuhan sering ditampilkan dalam lagu-lagu rakyat Melayu (Setyaningrum, 2018). Lagu Watimang Landok misalnya, memperlihatkan nilai ketabahan dalam menghadapi cabaran, serta kesedihan yang diterima dengan redha dan mencerminkan nilai keinsafan serta kekuatan rohani yang menjadi tunjang dalam budaya Melayu tradisional.

Akhir sekali, lirik lagu rakyat dapat berfungsi sebagai dokumen sejarah budaya. Ia menggambarkan kehidupan masa lalu, termasuk amalan adat, pekerjaan masyarakat, struktur sosial, serta pandangan mereka terhadap alam dan kehidupan. Dalam konteks Watimang Landok, ia mungkin tidak menyatakan peristiwa sejarah secara literal, tetapi mencerminkan kehidupan dan perasaan masyarakat kampung dalam suasana sosial tertentu sama ada dalam cinta, perpisahan, atau kerinduan terhadap suasana desa yang kian berubah (Yusoff, 2015).

Kesimpulannya, lirik lagu rakyat merupakan khazanah yang bernilai tinggi dan wajar dianalisis dengan teliti. Melalui lirik, kita dapat memahami bukan sahaja estetika bahasa dan keindahan puisi rakyat, tetapi juga mengenal pasti pelbagai aspek budaya dan identiti yang menjadikan sesuatu komuniti itu unik. Oleh itu, analisis terhadap lirik lagu Watimang Landok dalam kajian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana lagu ini menjadi medium pembentukan jati diri rakyat Terengganu (Nor Azman, 2016).

2.6 Identiti Budaya Dan Pembentukan Jati Diri

Identiti budaya merujuk kepada satu set ciri dan nilai yang dikongsi oleh sesuatu komuniti, termasuk bahasa, kepercayaan, amalan tradisi, cara hidup dan pandangan dunia yang membentuk keunikan serta perbezaan mereka daripada komuniti lain. Pembentukan identiti budaya tidak berlaku secara serta-merta, tetapi merupakan hasil daripada proses warisan, penghayatan dan interaksi berterusan antara generasi. Dalam konteks masyarakat Melayu di Terengganu, identiti budaya sangat berkait rapat dengan amalan tradisional, bahasa dialek, seni persembahan, dan bentuk warisan tidak ketara seperti lagu rakyat yang menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian masyarakat sejak zaman dahulu.

Menurut Jaya (2012), identiti budaya ialah satu proses sosial yang dinamik dan tidak statik. Ia dibentuk melalui pengalaman sejarah, kuasa sosial, dan pilihan komuniti yang ingin dikenali melalui cara hidup dan amalan tertentu. Oleh itu, lagu rakyat seperti Watimang Landok adalah medium penting dalam proses pembentukan identiti kerana ia mengandungi unsur simbolik, bahasa, nilai dan pengalaman budaya yang dikongsi oleh masyarakat Terengganu. Lagu ini tidak hanya berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai wadah memori kolektif yang mencerminkan jiwa dan jati diri rakyat negeri ini.

Jati diri pula merujuk kepada kesedaran diri terhadap siapa kita dan dari mana asal usul kita. Ia bukan sekadar pengenalan etnik atau geografi, tetapi lebih mendalam yang mana melibatkan rasa kebersamaan, keutuhan nilai, serta penghargaan terhadap budaya sendiri. Dalam masyarakat yang semakin terdedah kepada budaya luar, cabaran untuk mengekalkan jati diri menjadi lebih mencabar. Lagu rakyat, dalam hal ini, memainkan peranan penting dalam mengembalikan semula rasa bangga dan cinta terhadap warisan tempatan. Lirik Watimang Landok yang penuh dengan bahasa dan simbol budaya tempatan menjadi medium untuk memperkenalkan, menghidupkan semula dan memperkukuh jati diri Terengganu.

Bahasa merupakan salah satu elemen paling penting dalam pembentukan identiti budaya. Penggunaan dialek Terengganu dalam lagu Watimang Landok membantu mengekalkan kelangsungan dialek tersebut dalam kalangan generasi muda. Dalam era dominasi bahasa dan media berbahasa Melayu baku, lagu rakyat menjadi ruang yang membolehkan masyarakat menggunakan dan menghargai keindahan dialek mereka (Setyaningrum, 2015). Ini secara langsung membantu mempertahankan identiti linguistik tempatan, yang merupakan sebahagian daripada jati diri rakyat Terengganu.

Selain bahasa, nilai-nilai budaya yang terkandung dalam lirik lagu turut menyumbang kepada pembinaan jati diri. Nilai seperti kesetiaan, kejujuran, kesopanan, kasih sayang, serta kekuatan dalam menghadapi cabaran hidup merupakan asas yang mendasari kehidupan masyarakat Melayu tradisional (Mohd Zain, 2020). Lagu Watimang Landok, walaupun melambangkan cinta dan kerinduan, tetap menyampaikan mesej yang mendalam tentang ketabahan, penerimaan takdir, dan kesetiaan kepada cinta yang tidak kesampaian. Nilai-nilai ini membentuk kerangka etika dan moral masyarakat, yang seterusnya menjadi asas kepada identiti budaya mereka (Abd Rahim & MANSOR, 2014).

Seni dan budaya juga menjadi komponen penting dalam mencorakkan identiti komuniti. Masyarakat Terengganu dikenali dengan kemahiran dalam pelbagai seni tradisional seperti ukiran kayu, tenunan songket, permainan rakyat, tarian tradisional dan juga lagu rakyat. Dalam konteks ini, Watimang Landok menjadi satu simbol yang mewakili kekayaan budaya dan ketulenan tradisi masyarakat tersebut (Yusoff, 2015). Keterlibatan masyarakat dalam mempersembahkan lagu ini dalam majlis rasmi, pertandingan seni suara dan festival kebudayaan membantu mengekalkan kesinambungan budaya, serta memperkukuh rasa bangga terhadap budaya sendiri.

Dalam konteks pendidikan dan sosial, lagu rakyat juga boleh digunakan sebagai alat pemupukan identiti budaya dalam kalangan pelajar dan belia. Kajian oleh Ayob, Hussin, Ghazali (2023) menyarankan agar lagu rakyat dimasukkan dalam kurikulum pendidikan sivik dan sejarah bagi memperkenalkan budaya tempatan secara langsung kepada pelajar. Pendedahan kepada lagu seperti Watimang Landok akan membolehkan pelajar bukan sahaja menghargai keindahan sastera lisan, tetapi juga memahami nilai dan sejarah masyarakat

mereka. Ini penting dalam membina jati diri yang kukuh dan tidak mudah goyah oleh pengaruh budaya luar.

Kesimpulannya, identiti budaya dan jati diri merupakan dua konsep yang saling berkait dan saling memperkuat antara satu sama lain. Lagu rakyat seperti Watimang Landok menjadi asas kepada pembinaan dan pemeliharaan kedua-duanya melalui kandungan lirik, bahasa, simbolisme dan nilai yang dikandunginya. Dalam usaha membina masyarakat yang berbudaya dan berakar pada warisan sendiri, lagu rakyat harus terus didokumenkan, dikaji dan dipersembahkan secara meluas sebagai satu bentuk warisan budaya tidak ketara yang paling bernilai.

2.7 Penglibatan Masyarakat Dan Kepentingan Sosial

Penglibatan masyarakat dalam pelestarian dan penghayatan warisan budaya tidak ketara seperti lagu rakyat memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan budaya tersebut dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Lagu rakyat bukan sahaja berfungsi sebagai alat ekspresi seni dan hiburan, tetapi turut menjadi medium penyatuan masyarakat, penyebaran nilai dan penyampaian sejarah tempatan. Tanpa penglibatan aktif masyarakat, warisan seperti lagu Watimang Landok akan hilang ditelan masa akibat pengaruh budaya luar dan kekurangan pendedahan kepada generasi muda.

Menurut Tarakanita & Cahyono (2013), kelestarian seni tradisi bergantung sepenuhnya kepada masyarakat yang mewarisinya. Hal ini kerana warisan tidak ketara bersifat lisan, tidak mempunyai dokumentasi rasmi yang lengkap dan hanya dapat dipindahkan secara

berkesan melalui amalan langsung seperti persembahan, nyanyian, dan penyertaan dalam acara seni budaya. Dalam konteks Terengganu, masyarakat tempatan masih memainkan peranan dalam memelihara lagu rakyat dengan mengadakan pertandingan lagu rakyat, persembahan pentas dan aktiviti kesenian yang memberi ruang kepada generasi muda untuk mempelajari dan menghargai lagu-lagu seperti Watimang Landok.

Lagu Watimang Landok sering menjadi sebahagian daripada persembahan di sekolah-sekolah, festival kebudayaan negeri dan juga program anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Terengganu. Aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada kanak-kanak dan remaja tentang kekayaan budaya negeri mereka, tetapi juga mengukuhkan hubungan antara generasi apabila orang tua menjadi guru atau rujukan dalam memahami makna dan cara persembahan lagu tersebut. Penglibatan langsung ini membina jalinan emosi yang kuat antara generasi dan menghidupkan semula semangat komuniti berasaskan budaya.

Selain aspek persembahan, lagu rakyat juga memainkan fungsi sosial dalam kehidupan masyarakat. Lagu seperti Watimang Landok menyampaikan kisah dan nilai yang dikongsi bersama, mewujudkan satu ruang emosi kolektif dalam kalangan masyarakat. Ia boleh mencetuskan rasa kerinduan terhadap kampung halaman, kenangan terhadap zaman kanak-kanak, atau nostalgia terhadap nilai-nilai murni yang semakin dilupakan. Oleh itu, lagu rakyat berfungsi sebagai ‘penjaga emosi budaya’ masyarakat yang menjadikan mereka dekat dan bersatu dengan sejarah serta asal usul mereka.

Kepentingan sosial lagu rakyat juga terserlah dalam peranannya sebagai medium pendidikan tidak formal. Kajian oleh Mohamad Soupi (2019) menegaskan bahawa lagu- lagu tradisional boleh digunakan sebagai alat pendidikan nilai dan moral dalam kalangan pelajar. Lirik lagu rakyat sering mengandungi pengajaran secara tersirat, yang boleh difahami dengan lebih mudah oleh pelajar apabila disampaikan dalam bentuk nyanyian dan penceritaan. Dalam Watimang Landok, nilai seperti kesetiaan, reda terhadap takdir, dan kehalusan dalam menyampaikan cinta dapat dijadikan asas dalam pendidikan sivik dan pembinaan sahsiah pelajar.

Dari sudut ekonomi dan pembangunan komuniti, pelestarian lagu rakyat juga boleh memberi manfaat kepada masyarakat tempatan. Dengan pengiktirafan dan promosi yang sistematik, lagu rakyat boleh dijadikan aset pelancongan budaya yang unik, menarik minat pelancong dalam dan luar negara Basyari, I. W. (2013). Persembahan lagu-lagu rakyat seperti Watimang Landok dalam program pelancongan budaya dapat memberi pendapatan tambahan kepada komuniti melalui pelibatan dalam seni persembahan, pembuatan alat muzik tradisional, kostum dan aktiviti bengkel kesenian. Ini selaras dengan konsep “cultural economy” yang digalakkan dalam Rangka Tindakan Pelancongan Budaya Malaysia (Basyari, I. W. (2013).

Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat terhadap lagu rakyat masih belum menyeluruh. Cabaran utama adalah kekurangan kesedaran, kekangan masa, kurangnya dokumentasi rasmi dan pendedahan terhadap generasi muda (Setyaningrum, 2018). Banyak lagu rakyat hanya dikenali dalam komuniti tertutup dan tidak sampai ke peringkat nasional, apatah lagi antarabangsa. Oleh itu, perlu ada kerjasama antara masyarakat, institusi pendidikan, NGO budaya, serta agensi kerajaan bagi merancang dan melaksanakan

program pemeliharaan lagu rakyat secara bersepadu dan berterusan. Sebagai contoh, penubuhan kumpulan seni komuniti, bengkel lagu rakyat, dokumentari budaya, dan kurikulum pendidikan berasaskan warisan merupakan antara usaha yang boleh dilakukan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat secara aktif (Abdul Halim, 2018).

Teknologi moden juga boleh dimanfaatkan melalui rakaman video, media sosial dan platform digital untuk menyebarkan lagu rakyat ke seluruh pelusuk negara dan dunia. Dalam konteks ini, lagu Watimang Landok mempunyai potensi besar untuk dikembangkan sebagai ikon budaya Terengganu jika diberikan perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak.

Secara keseluruhannya, penglibatan masyarakat adalah nadi kepada kelestarian warisan budaya tidak ketara. Lagu Watimang Landok, sebagai contoh seni suara rakyat, bukan sahaja mencerminkan keindahan budaya Terengganu tetapi juga berupaya menjadi alat pemersatu, pemindah nilai dan pemangkin pembangunan sosial jika dimanfaatkan secara menyeluruh. Kajian ini menekankan bahawa tanpa sokongan komuniti, warisan seperti ini akan kekal sebagai nostalgia tanpa makna, sedangkan ia boleh menjadi instrumen penting dalam membina masyarakat yang berakar kepada warisan sendiri (Nasir, 2021).

2.8 Rumusan Bab

Bab ini telah menghuraikan secara menyeluruh aspek-aspek yang menjadi kerangka utama kepada penyelidikan berkaitan lagu rakyat Watimang Landok dan peranannya dalam pembentukan identiti budaya rakyat Terengganu. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa lagu rakyat merupakan sebahagian daripada warisan budaya tidak ketara yang penting kerana

mengandung unsur sejarah, nilai, adat resam dan pandangan dunia masyarakat tradisional. Ia menjadi medium utama penyampaian budaya dari satu generasi ke generasi seterusnya, khususnya melalui lirik yang sarat dengan simbolisme dan kiasan budaya.

Sorotan kajian telah menunjukkan bahawa lagu Watimang Landok, meskipun pada asalnya berkait dengan seni persembahan tradisi Saba, telah berkembang menjadi lagu rakyat yang mencerminkan identiti masyarakat Terengganu. Penggunaan dialek tempatan, metafora alam, dan struktur puisi dalam liriknya menjadikan lagu ini sebagai teks budaya yang kaya dengan nilai dan makna. Analisis terhadap lirik lagu telah membuktikan bahawa ia bukan sekadar hiburan tetapi mencerminkan sistem nilai, keindahan bahasa dan cara masyarakat memahami serta menanggapi kehidupan.

Seterusnya, perbincangan turut menyentuh bagaimana lagu rakyat membentuk identiti budaya dan menyemai jati diri dalam kalangan masyarakat. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik serta penggunaan dialek tempatan menjadikan lagu rakyat sebagai alat pendidikan budaya yang efektif, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dalam masa yang sama, penglibatan masyarakat dalam pelestarian lagu rakyat memperkukuh peranan sosial lagu ini sebagai alat pemersatu dan simbol kebersamaan komuniti.

Akhirnya, dapat dirumuskan bahawa lagu Watimang Landok bukan hanya memiliki nilai seni dan estetika, tetapi juga mengandungi dimensi sosial, budaya, dan identiti yang mendalam. Kajian ini mengisi jurang ilmiah terhadap pemahaman lagu rakyat secara kontekstual dan tekstual, serta menyumbang kepada usaha mendokumentasikan, menghidupkan dan memartabatkan warisan budaya Melayu yang kian dilupakan. Bab

seterusnya akan membincangkan pendekatan penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini melalui perincian metodologi yang sistematik.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara menyeluruh pendekatan, reka bentuk, kaedah dan sumber data yang digunakan dalam pelaksanaan kajian bertajuk "Kepentingan Lagu Watimang Landok dalam Pembentukan Identiti Rakyat Terengganu: Satu Analisis antara Lirik dan Identiti Budaya Rakyat Terengganu". Metodologi kajian amat penting bagi memastikan kajian dilaksanakan secara teratur dan sistematik. Ia juga berfungsi sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengumpul data dan menganalisis dapatan berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan (Creswell, 2014).

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan kerana ia memberi peluang kepada pengkaji untuk memahami secara mendalam makna dan nilai yang terkandung dalam lirik lagu rakyat, khususnya lagu Watimang Landok. Melalui analisis kandungan, penyelidik dapat mengenal pasti elemen-elemen budaya dan simbolisme yang membentuk identiti budaya rakyat Terengganu (Mohamad Soupi, 2019). Tambahan pula, pendekatan ini sesuai dengan sifat lisan, simbolik dan estetik lagu rakyat yang memerlukan penafsiran kontekstual secara kualitatif (Samsudin& Ahmad, 2019).

3.2 Pendekatan Kajian

Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti fenomena sosial dan budaya secara mendalam, terutama yang berkaitan dengan makna, persepsi dan nilai budaya yang tersirat dalam lirik lagu. Kajian ini bersifat deskriptif dan interpretatif, yang bermaksud data yang dikumpulkan tidak diukur secara statistik tetapi dianalisis berdasarkan tema-tema yang muncul daripada kandungan lirik lagu.

Pendekatan ini juga bersifat fleksibel dan responsif terhadap konteks kajian, membolehkan penyelidik mengadaptasi proses pengumpulan dan analisis data berdasarkan pemerhatian dan hasil temubual. Ini penting kerana lagu rakyat seperti Watimang Landok adalah produk budaya yang kaya dengan variasi dan pelbagai makna bergantung pada konteks persembahan dan pemahaman masyarakat setempat (Abd Rahim & MANSOR, 2014).

3.3 Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini berbentuk kajian kes kerana ia menumpukan kepada satu kes yang khusus iaitu lagu Watimang Landok. Kajian kes merupakan satu pendekatan yang sesuai apabila penyelidik ingin memahami secara menyeluruh dan mendalam terhadap satu entiti budaya dalam konteks sebenar kehidupan masyarakat.

Kajian kes ini melibatkan pengumpulan data daripada pelbagai sumber seperti dokumen rasmi, lirik lagu, artikel jurnal, buku ilmiah, wawancara tidak formal serta

pemerhatian terhadap persembahan lagu dalam konteks sosial dan kebudayaan di Terengganu. Data-data ini akan digunakan untuk mengenal pasti tema, simbol dan nilai budaya dalam lirik lagu serta kesannya terhadap identiti masyarakat.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

3.4.1 Data Primer

Data primer diperoleh secara langsung daripada lirik lagu Watimang Landok yang dianalisis dalam konteks linguistik dan budaya. Selain itu, temubual separa struktur turut dijalankan bersama beberapa individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan lagu ini, termasuk budayawan, guru muzik tradisional dan anggota komuniti tempatan (Abd Rahim, & MANSOR, 2014). Pengkaji juga terlibat dalam aktiviti lapangan seperti menghadiri persembahan lagu ini dalam festival kebudayaan bagi mendapatkan pemahaman kontekstual.

3.4.2 Data Skunder

Data sekunder diperoleh melalui kajian literatur yang merangkumi buku, jurnal akademik, artikel akhbar, dokumentari, serta laporan daripada agensi seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Bahan-bahan ini memberi latar belakang dan perspektif tambahan dalam memahami fungsi dan nilai lagu rakyat sebagai

warisan budaya tidak ketara. Data sekunder juga membantu penyelidik menyokong dapatan analisis melalui perbandingan dengan hasil kajian lepas.

3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini sesuai digunakan untuk meneliti mesej dan makna yang tersirat dalam teks, khususnya lirik lagu. Proses ini melibatkan beberapa langkah.

3.5.1 Pemilihan dan transkripsi lirik lagu Watimang Landok.

3.5.2 Pengenalpastian kata kunci, metafora dan unsur budaya dalam lirik.

3.5.3 Pengekoden tema-tema yang berulang seperti nilai kekeluargaan, adat, dialek, dan semangat kenegerian.

3.5.4 Penafsiran simbol dan maksud tersirat berdasarkan konteks budaya Terengganu.

3.5.5 Perbandingan dapatan dengan teori dan kajian lepas.

Hasil analisis akan dibentangkan dalam bentuk naratif dan tema-tema utama yang dapat menunjukkan hubungan antara lirik lagu dengan pembentukan identiti budaya rakyat Terengganu.

3.6 Lokasi Dan Subjek Kajian

Kajian ini dijalankan di negeri Terengganu, khususnya di daerah Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu kerana kedua-dua kawasan ini merupakan lokasi utama yang masih mengekalkan amalan seni lagu rakyat termasuk Watimang Landok. Subjek kajian terdiri daripada penggiat seni, pendidik muzik tradisional dan ahli komuniti yang terlibat dalam persembahan lagu ini.

Subjek juga termasuk remaja dan pelajar yang mendedahkan kepada lagu ini melalui kurikulum kebudayaan di sekolah serta pertandingan lagu rakyat. Ini penting untuk menilai tahap kefahaman dan penghayatan generasi muda terhadap nilai budaya dalam lagu Watimang Landok.

3.7 Etika Kajian

Kajian ini menitikberatkan etika penyelidikan dengan memastikan semua maklumat diperoleh secara sah dan beretika. Persetujuan diminta daripada semua responden sebelum temubual dijalankan. Nama responden tidak akan didedahkan tanpa kebenaran mereka dan semua data dikendalikan secara sulit. Segala rekod temubual disimpan dalam bentuk bertulis dan audio dengan persetujuan responden. Asas kerahsiaan dan penghormatan kepada sensitiviti budaya tempatan turut dijaga sepanjang proses penyelidikan.

3.8 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini dibina dengan teliti untuk memastikan data yang diperoleh sah dan boleh dipercayai dalam menilai kepentingan lagu Watimang Landok dalam pembentukan identiti rakyat Terengganu. Pendekatan kualitatif yang digunakan melalui kaedah analisis kandungan membolehkan penyelidik meneliti makna tersirat dalam lirik dan hubungannya dengan budaya masyarakat tempatan. Gabungan data primer dan sekunder, serta pemilihan lokasi dan subjek kajian yang tepat memberi asas yang kukuh kepada dapatan kajian. Bab seterusnya akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan hasil analisis yang telah dijalankan secara menyeluruh dan mendalam.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian serta perbincangan hasil daripada analisis data yang diperoleh melalui temu bual kualitatif bersama tiga orang responden yang terlibat secara langsung dalam bidang seni dan kebudayaan di negeri Terengganu. Responden-responden ini terdiri daripada Mustafa bin Mohamad atau Cikgu Pa (penggiat seni tradisional), Mohammad Faiz Haikal bin Mohammad Ziki (Penari di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Terengganu), Muhammad Najmi bin Mohamad Jafri Pasakorn (Pegawai JKKN yang terlibat dalam pengurusan dan promosi kebudayaan). Pemilihan responden ini adalah selari dengan objektif kajian yang bertujuan untuk meneliti kepentingan lagu Watimang Landok dalam pembentukan identiti budaya rakyat Terengganu dari perspektif pengalaman, penglibatan seni dan institusi kebudayaan.

Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang mendalam, terperinci dan bersifat kontekstual berkaitan pandangan responden terhadap lagu Watimang Landok. Data temu bual yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan fokus kajian.

Perbincangan dalam bab ini disusun secara tematik berdasarkan dapatan kajian dan dikaitkan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Antara tema utama yang dibincangkan ialah lagu Watimang Landok sebagai lambang identiti budaya Terengganu elemen budaya dan nilai tradisional dalam lirik lagu, peranan lagu rakyat dalam pembentukan jati diri masyarakat serta relevansi lagu Watimang Landok dalam konteks semasa. Perbincangan ini turut disokong oleh pandangan sarjana dan kajian lepas bagi mengukuhkan hujah dan analisis yang dikemukakan.

4.2 Lagu Watimang Landok Sebagai Lambang Identiti Budaya Terengganu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lagu Watimang Landok diakui oleh semua responden sebagai salah satu lambang identiti budaya masyarakat Terengganu. Lagu ini bukan sahaja dikenali sebagai sebuah lagu rakyat, malah berfungsi sebagai simbol yang mewakili keunikan budaya, bahasa dan cara hidup masyarakat setempat.

“Lagu Watimang Landok ni pada saya lagu yang cukup kuat identiti Terengganu dia. Bila dengar lagu ni, orang Terengganu terus rasa dekat. Bahasa, sebutan dan loghat semua melambangkan negeri ni. Lagu ni bukan sekadar hiburan, tapi lambang siapa kita sebagai orang Terengganu.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Menurut Responden 1, lagu Watimang Landok mempunyai kekuatan identiti yang jelas kerana penggunaan dialek Terengganu yang pekat dan asli, sekali gus menjadikannya mudah dikenali oleh masyarakat tempatan. Penggunaan dialek tempatan dalam lagu rakyat memainkan peranan penting dalam mengekalkan keaslian budaya. Dialek bukan sekadar alat komunikasi, tetapi turut mencerminkan latar sosial, sejarah dan pengalaman hidup sesuatu masyarakat. Dalam konteks lagu Watimang Landok, sebutan dan intonasi bahasa Terengganu yang digunakan menggambarkan cara pertuturan masyarakat setempat serta membezakan lagu ini daripada lagu rakyat negeri lain. Hal ini menjadikan lagu tersebut sebagai penanda identiti linguistik masyarakat Terengganu.

“Lagu Watimang Landok sangat penting dalam persembahan kebudayaan. Ia sering digunakan dalam program rasmi kerana mewakili identiti Terengganu. Bila lagu ni dimainkan, persembahan jadi lebih bermakna dan berjiwa.”

(responden 2, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Responden 2 pula menyatakan bahawa dalam konteks seni persembahan, lagu Watimang Landok sering digunakan dalam program kebudayaan rasmi kerana keupayaannya mewakili identiti Terengganu secara menyeluruh. Apabila lagu ini dipersembahkan di pentas, ia bukan sekadar menjadi iringan muzik, tetapi berfungsi sebagai elemen yang memberi roh dan makna kepada persembahan tersebut. Penggunaan lagu rakyat ini membolehkan identiti negeri Terengganu diketengahkan kepada penonton, sama ada dalam kalangan masyarakat tempatan mahupun pelancong

4.2.1 Bahasa Dan Dialek Sebagai Penanda Identiti Budaya

“Bahasa, sebutan dan loghat semua melambangkan negeri ni.”

“Orang dulu tak bercakap secara terus, dia guna perumpamaan. Alam sekeliling jadi rujukan utama dalam menyampaikan mesej.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Bahasa dan dialek merupakan antara elemen terpenting dalam pembentukan identiti budaya sesuatu masyarakat. Berdasarkan temu bual bersama Responden 1, penggunaan dialek Terengganu dalam lagu Watimang Landok menjadikan lagu ini dekat dengan kehidupan masyarakat setempat. Dialek yang digunakan bukan sahaja mencerminkan cara pertuturan harian masyarakat, tetapi juga membawa nilai emosi dan nostalgia yang mendalam.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, bahasa digunakan dengan penuh kesantunan dan kebijaksanaan. Lagu Watimang Landok memperlihatkan penggunaan bahasa yang halus dan berlapik, sejajar dengan nilai budaya Melayu yang menitikberatkan adab dalam komunikasi. Penggunaan dialek tempatan dalam lagu ini membantu mengekalkan keaslian karya serta memastikan warisan bahasa terus diwarisi oleh generasi muda.

“Sekiranya bahasa dan dialek tempatan semakin terpinggir, maka lagu rakyat juga berisiko kehilangan makna dan konteks asalnya.”

(responden 3, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Responden 3 turut menegaskan bahawa dari sudut pemeliharaan warisan budaya, bahasa dan dialek yang terkandung dalam lagu rakyat perlu dipelihara bersama-sama dengan lagu tersebut. Sekiranya bahasa dan dialek tempatan semakin terpinggir, maka lagu rakyat juga berisiko kehilangan makna dan konteks asalnya. Oleh itu, pemeliharaan lagu Watimang Landok secara tidak langsung menyumbang kepada usaha memelihara bahasa dan identiti budaya masyarakat Terengganu.

4.2.2 Lagu Rakyat Sebagai Simbol Identiti Kolektif Masyarakat

Selain berfungsi sebagai penanda identiti individu dan linguistik, lagu Watimang Landok juga berperanan sebagai simbol identiti kolektif masyarakat Terengganu. Identiti kolektif merujuk kepada perasaan kebersamaan dan kesedaran bersama terhadap budaya dan nilai yang dikongsi oleh sesebuah komuniti. Berdasarkan dapatan kajian, lagu ini sering diperdengarkan dalam majlis kenduri, acara kampung dan program kebudayaan, menjadikannya sebahagian daripada kehidupan sosial masyarakat.

“Dari kecil saya tengok bagaimana lagu ni digunakan sebagai hiburan, sebagai pengikat hubungan sesama penduduk kampung dan juga sebagai medium penyampaian nilai.”

“Lagu rakyat ni jadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat kampung.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Responden 1 menjelaskan bahawa lagu rakyat seperti Watimang Landok menjadi medium yang menghubungkan masyarakat dalam suasana sosial. Apabila lagu ini dinyanyikan atau diperdengarkan, masyarakat berkongsi pengalaman emosi yang sama, sama ada kegembiraan, keinsafan atau nostalgia terhadap kehidupan dahulu. Pengalaman bersama ini membentuk memori kolektif yang mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti.

“Lagu rakyat seperti Watimang Landok sangat penting kerana ia merakam nilai, pemikiran dan cara hidup masyarakat terdahulu.”

(responden 3, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Dari sudut institusi kebudayaan pula, Responden 3 menyatakan bahawa lagu Watimang Landok dilihat sebagai warisan budaya tidak ketara yang melambangkan identiti kolektif masyarakat Terengganu. Lagu ini bukan sahaja milik individu tertentu,

tetapi milik bersama masyarakat yang mewarisinya secara turun-temurun. Justeru, lagu rakyat berfungsi sebagai medium penyatuan yang memperkukuh keharmonian dan kesinambungan budaya dalam masyarakat.

4.2.3 Identiti Tempatan Dalam Konteks kebangsaan

“Bila lagu ni dimainkan, persembahan jadi lebih bermakna dan berjiwa.”

(responden 2, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Walaupun lagu Watimang Landok berakar kuat daripada budaya tempatan masyarakat Terengganu, dapatan kajian menunjukkan bahawa lagu ini turut memainkan peranan dalam konteks identiti kebangsaan. Responden 2 menyatakan bahawa apabila lagu Watimang Landok dipersembahkan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa, ia bukan sahaja mewakili Terengganu, malah memperlihatkan kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia. Setiap persembahan lagu rakyat menyumbang kepada gambaran keseluruhan identiti nasional yang bersifat majmuk.

Identiti tempatan yang diketengahkan melalui lagu rakyat berfungsi sebagai pelengkap kepada pembentukan identiti kebangsaan. Lagu Watimang Landok membawa nilai, bahasa dan cara hidup masyarakat Terengganu ke ruang yang lebih luas, sekali gus memperkayakan khazanah budaya negara. Dalam konteks ini,

pemeliharaan lagu rakyat bukan hanya tanggungjawab masyarakat setempat, tetapi juga sebahagian daripada usaha memelihara warisan budaya Malaysia secara keseluruhan.

“Lagu rakyat masih relevan, namun pendekatan penyampaian perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa.”

(responden 3, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Responden 3 turut menegaskan bahawa institusi kebudayaan seperti JKKN melihat lagu rakyat sebagai medium penting untuk memperkenalkan identiti tempatan dalam kerangka kebangsaan. Melalui penganjuran program kebudayaan dan persembahan rasmi, lagu Watimang Landok dapat diketengahkan sebagai salah satu simbol kepelbagaian budaya Malaysia yang wajar dihargai dan dipelihara.

4.3 Elemen Budaya Dalam Lirik Lagu Watimang Landok

Bahagian ini membincangkan elemen budaya yang terkandung dalam lirik lagu Watimang Landok berdasarkan dapatan temu bual bersama responden. Analisis ini memfokuskan kepada aspek bahasa kiasan, simbol alam dan nilai kehidupan masyarakat yang terkandung secara tersirat dalam lirik lagu. Elemen-elemen ini mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu Terengganu terdahulu dalam menyampaikan mesej dan pengajaran hidup melalui seni lisan.

Lagu rakyat secara umumnya berfungsi sebagai medium komunikasi budaya yang sarat dengan makna. Dalam konteks lagu Watimang Landok, liriknya bukan sekadar rangkaian kata yang berirama, tetapi mengandungi penceritaan yang mencerminkan pengalaman hidup, pemikiran dan pandangan dunia masyarakat pada zaman terdahulu. Hal ini menjadikan lagu ini sebagai sumber penting dalam memahami budaya dan nilai masyarakat Terengganu.

4.3.1 Bahasa Kiasan Sebagai Medium Penyampaian Nilai

“Orang dulu tak bercakap secara terus, dia guna perumpamaan.”

“Lagu ni sebenarnya mendidik masyarakat tentang cara hidup dan cara berfikir.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kiasan merupakan salah satu ciri utama dalam lirik lagu Watimang Landok. Menurut Responden 1, masyarakat Melayu Terengganu terdahulu jarang menyampaikan nasihat atau teguran secara terus terang. Sebaliknya, mereka menggunakan perumpamaan dan kiasan bagi menjaga kesantunan bahasa serta keharmonian hubungan sosial.

Bahasa kiasan dalam lagu rakyat membolehkan mesej disampaikan secara halus dan berlapik. Pendengar perlu mentafsir makna tersirat di sebalik lirik, sekali gus menjadikan lagu rakyat sebagai medium pendidikan tidak formal yang berkesan. Lagu Watimang Landok menggalakkan pendengar untuk berfikir secara mendalam dan memahami kehidupan melalui simbol dan perumpamaan yang digunakan.

Selain itu, penggunaan bahasa kiasan juga mencerminkan tahap kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional dalam berkomunikasi. Walaupun mesej disampaikan dalam bentuk yang ringkas, makna yang terkandung adalah mendalam dan menyentuh aspek moral serta kehidupan seharian. Hal ini membuktikan bahawa lagu rakyat merupakan karya seni yang memiliki nilai intelektual dan budaya yang tinggi.

4.3.2 Simbol Alam Sebagai Cerminan Cara Hidup Masyarakat

“Alam sekeliling jadi rujukan utama dalam menyampaikan mesej.”

“Ini mencerminkan cara hidup masyarakat dahulu yang rapat dengan alam dan kehidupan seharian.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Elemen alam merupakan antara unsur budaya yang paling ketara dalam lirik lagu Watimang Landok. Responden 1 menjelaskan bahawa kehidupan masyarakat Terengganu dahulu sangat bergantung kepada alam sekitar, khususnya dalam konteks pertanian, perikanan dan kehidupan kampung. Oleh itu, unsur alam sering dijadikan simbol dan perlambangan dalam penyampaian mesej melalui lagu rakyat.

Simbol alam seperti haiwan, tumbuhan dan fenomena semula jadi digunakan untuk menggambarkan keadaan hidup manusia, emosi dan hubungan sosial. Alam dijadikan metafora bagi menyampaikan pengalaman hidup secara lebih mudah difahami oleh masyarakat yang berkongsi persekitaran yang sama. Pendekatan ini menjadikan lagu rakyat bersifat dekat dengan kehidupan seharian pendengar.

Dalam konteks lagu Watimang Landok, penggunaan simbol alam bukan sahaja mencerminkan keindahan bahasa, tetapi juga memperlihatkan pandangan hidup masyarakat yang menghargai keseimbangan antara manusia dan alam. Hubungan harmoni ini mencerminkan nilai kesederhanaan dan keinsafan yang menjadi asas kehidupan masyarakat Melayu Terengganu

4.3.3 Nilai Moral dan Sosial dalam Lirik Lagu

“Lagu ni menggambarkan kehidupan orang dulu yang sederhana, penuh kesabaran dan nilai menerima takdir.”

“Nilai-nilai ini penting dan masih relevan sampai hari ni.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Selain bahasa dan simbol, lirik lagu Watimang Landok turut mengandungi pelbagai nilai moral dan sosial yang menjadi panduan hidup masyarakat. Antara nilai yang dikenal pasti melalui dapatan kajian ialah kesabaran, kesederhanaan, kesetiaan dan penerimaan terhadap takdir. Responden 1 menegaskan bahawa nilai-nilai ini menggambarkan cara masyarakat dahulu menghadapi cabaran hidup dengan penuh ketabahan dan keikhlasan.

Nilai kesabaran, misalnya, sangat penting dalam kehidupan masyarakat tradisional yang sering berhadapan dengan ketidak tentuan hidup. Lagu rakyat berfungsi sebagai medium yang menenangkan emosi dan memberi kekuatan rohani kepada masyarakat. Melalui lirik yang bersifat reflektif, lagu Watimang Landok mengajar pendengar untuk menerima ujian hidup dengan hati yang terbuka.

Nilai sosial seperti hormat-menghormati dan menjaga hubungan sesama manusia turut tersirat dalam lirik lagu ini. Nilai-nilai tersebut membantu membentuk keharmonian sosial dalam masyarakat kampung dan memastikan kelangsungan hubungan yang baik antara individu. Oleh itu, lagu Watimang Landok bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium pembentukan nilai dan akhlak masyarakat.

4.3.4 Fungsi Lirik Lagu sebagai Naratif Kehidupan Masyarakat

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa lirik lagu Watimang Landok berfungsi sebagai satu bentuk naratif kehidupan masyarakat Melayu Terengganu. Lagu rakyat ini bukan sekadar rangkaian kata yang disusun mengikut irama, tetapi mengandungi penceritaan yang mencerminkan pengalaman hidup, emosi dan pemikiran masyarakat pada zaman terdahulu.

“Saya bukan sahaja menyanyi, tapi juga memahami maksud lagu dan peranan seni dalam kehidupan masyarakat.”

“Lagu ni bukan lahir kosong, tapi penuh dengan nasihat dan pengalaman hidup masyarakat dulu.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Responden 1 menyatakan bahawa lagu rakyat sering digunakan sebagai medium untuk menceritakan kisah kehidupan masyarakat secara simbolik dan berlapis. Naratif yang terkandung dalam lagu rakyat membolehkan masyarakat merakam pengalaman hidup mereka secara tidak formal. Kisah suka duka, cabaran kehidupan dan nilai yang dipegang oleh masyarakat dapat disampaikan dan diwariskan melalui lagu. Lagu Watimang Landok menjadi satu bentuk dokumentasi sosial yang menyimpan memori kolektif masyarakat Terengganu.

Selain itu, fungsi naratif dalam lagu rakyat juga membantu pendengar memahami kehidupan daripada perspektif budaya. Melalui penceritaan yang dekat dengan realiti kehidupan masyarakat, lagu Watimang Landok membolehkan pendengar menghayati nilai dan pengajaran hidup secara lebih mendalam. Hal ini mengukuhkan kedudukan lagu rakyat sebagai sumber pengetahuan budaya yang penting.

4.4 Peranan Lagu Watimang Landok dalam Pembentukan Jati Diri Masyarakat

Bahagian ini membincangkan peranan lagu Watimang Landok dalam membentuk jati diri masyarakat Terengganu berdasarkan dapatan temu bual bersama responden. Jati diri dalam konteks kajian ini merujuk kepada kesedaran individu dan kolektif terhadap identiti budaya, nilai kehidupan serta rasa bangga terhadap warisan tempatan. Lagu rakyat dilihat sebagai medium yang berkesan dalam membentuk dan mengekalkan jati diri masyarakat secara berterusan.

4.4.1 Pembentukan Jati Diri Individu melalui Lagu Rakyat

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lagu Watimang Landok memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri individu, terutamanya dalam kalangan penggiat seni dan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kebudayaan. Responden 2 menyatakan bahawa penglibatan beliau dalam persembahan seni yang menggunakan lagu ini telah meningkatkan kesedaran dan rasa bangga terhadap identiti Terengganu.

Lagu rakyat berfungsi sebagai medium refleksi diri yang membolehkan individu mengaitkan pengalaman hidup mereka dengan mesej yang terkandung dalam lirik lagu. Lagu Watimang Landok, melalui simbol dan penceritaannya, membantu individu memahami diri dan persekitaran mereka berdasarkan nilai budaya tempatan. Proses ini menyumbang kepada pembentukan identiti peribadi yang berakar kepada budaya sendiri.

Selain itu, pendedahan awal kepada lagu rakyat sejak kecil membantu membentuk kepekaan budaya dan kesedaran identiti dalam diri individu. Responden 1 menjelaskan bahawa masyarakat dahulu membesar dalam suasana yang dipenuhi dengan lagu rakyat, menjadikan seni lisan sebagai sebahagian daripada kehidupan harian. Keadaan ini membolehkan nilai budaya diserap secara semula jadi tanpa memerlukan pendidikan formal.

4.4.2 Jati Diri Komuniti dan Rasa Kekitaan Masyarakat

Selain membentuk jati diri individu, lagu Watimang Landok turut memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri komuniti. Lagu rakyat sering diperdengarkan dalam majlis sosial seperti kenduri, perhimpunan kampung dan acara kebudayaan. Penggunaan lagu ini dalam konteks kolektif mewujudkan rasa kebersamaan dan mengukuhkan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat.

“Lagu rakyatlah jadi hiburan utama.”

“Lagu ni jadi pengikat hubungan sesama penduduk kampung.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Responden 1 menyatakan bahawa lagu rakyat berfungsi sebagai alat pengikat hubungan sesama penduduk kampung. Apabila lagu Watimang Landok diperdengarkan, masyarakat berkongsi pengalaman emosi yang sama seperti kegembiraan, nostalgia dan keinsafan. Perkongsian emosi ini membentuk memori kolektif yang menjadi asas kepada jati diri komuniti.

Responden 3 pula melihat peranan lagu rakyat sebagai medium pembentukan identiti komuniti di peringkat negeri. Lagu Watimang Landok menjadi simbol yang

menyatukan masyarakat Terengganu tanpa mengira perbezaan latar belakang. Dalam konteks ini, lagu rakyat berfungsi sebagai alat penyatuan sosial yang memperkukuh keharmonian masyarakat.

4.4.3 Peranan Penggiat Seni sebagai Agen Pembentukan Jati Diri

“Kami ni ibarat penyambung cerita.”

“Kalau kami tak sampaikan makna dan cerita di sebalik lagu, generasi muda mungkin hanya dengar tanpa faham.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Dapatan kajian turut menekankan peranan penggiat seni tradisional sebagai agen penting dalam pembentukan jati diri masyarakat. Responden 1 menegaskan bahawa generasi lama memikul tanggungjawab untuk menyampaikan makna dan nilai di sebalik lagu rakyat kepada generasi muda. Tanpa penjelasan dan penceritaan konteks budaya, lagu rakyat berisiko kehilangan makna asalnya.

Penggiat seni bukan sahaja berperanan sebagai penyampai lagu, tetapi juga sebagai pendidik budaya yang menyampaikan nilai, falsafah hidup dan sejarah sosial masyarakat. Melalui penceritaan dan penerangan, penggiat seni membantu generasi

muda memahami makna tersirat dalam lagu Watimang Landok. Proses ini penting bagi memastikan pembentukan jati diri yang berasaskan kefahaman dan penghargaan terhadap budaya sendiri.

4.4.4 Pemindahan Budaya antara Generasi melalui Lagu Rakyat

“Lagu ni boleh bantu bina jati diri dan kenal budaya sendiri.”

(responden 1, 10 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Pemindahan budaya antara generasi merupakan satu aspek penting dalam memastikan kesinambungan warisan budaya masyarakat. Berdasarkan dapatan kajian, lagu Watimang Landok berfungsi sebagai medium utama dalam proses pemindahan budaya ini. Responden 1 menjelaskan bahawa lagu rakyat diwariskan secara lisan daripada generasi lama kepada generasi muda melalui pendedahan berterusan dalam kehidupan seharian dan penglibatan dalam aktiviti kebudayaan.

Pemindahan budaya melalui lagu rakyat melibatkan lebih daripada sekadar penyampaian lirik dan melodi. Proses ini turut merangkumi penyampaian nilai, norma sosial dan pandangan hidup masyarakat. Lagu Watimang Landok menjadi medium yang menghubungkan pengalaman hidup generasi terdahulu dengan realiti kehidupan generasi semasa. Melalui lagu, generasi muda dapat memahami konteks kehidupan masyarakat dahulu serta nilai yang membentuk identiti budaya mereka.

“Sesuai, cuma pendekatan persembahan perlu kreatif dan mengikut peredaran zaman.”

(responden 2, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran utama dalam pemindahan budaya antara generasi ialah perubahan gaya hidup dan minat generasi muda. Responden 2 menyatakan bahawa tanpa pendekatan yang sesuai, lagu rakyat berisiko kurang diminati oleh generasi muda. Oleh itu, usaha berterusan diperlukan bagi memastikan lagu Watimang Landok terus berfungsi sebagai medium pemindahan budaya yang berkesan.

4.5 Relevansi Lagu Watimang Landok dalam Konteks Semasa

“Sesuai, cuma pendekatan persembahan perlu kreatif dan mengikut peredaran zaman.”

(responden 2, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

“Selagi nilai dan makna asal dikekalkan, lagu rakyat akan terus hidup dalam masyarakat.”

(responden 3, 29 Disember 2025, Kajian Lapangan 2025)

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa lagu Watimang Landok masih relevan dalam konteks masyarakat masa kini. Walaupun berakar daripada budaya tradisional, nilai dan mesej yang terkandung dalam lagu ini masih boleh diaplikasikan dalam kehidupan moden. Responden 2 dan Responden 3 bersetuju bahawa lagu rakyat mempunyai potensi untuk terus hidup sekiranya disampaikan melalui pendekatan yang sesuai dengan perkembangan zaman.

Dalam konteks seni persembahan, lagu Watimang Landok boleh disesuaikan dari segi susunan muzik dan bentuk persembahan tanpa menghilangkan makna asalnya. Pendekatan kreatif ini membolehkan lagu rakyat menarik minat generasi muda serta memastikan kesinambungannya dalam landskap seni semasa. Namun demikian, penyesuaian yang dilakukan perlu berhati-hati agar tidak menjejaskan keaslian dan nilai budaya lagu tersebut.

4.5.1 Persepsi Generasi Muda terhadap Lagu Rakyat

Dapatan kajian mendapati bahawa persepsi generasi muda terhadap lagu rakyat seperti Watimang Landok adalah bergantung kepada tahap pendedahan dan kefahaman mereka terhadap makna lagu tersebut. Responden 2 menyatakan bahawa generasi muda cenderung untuk menghargai lagu rakyat sekiranya mereka diberi penjelasan tentang konteks dan nilai yang terkandung dalam lirik lagu.

Kurangnya pendedahan dan kefahaman menyebabkan sebahagian generasi muda melihat lagu rakyat sebagai sesuatu yang lapuk dan tidak relevan. Namun, apabila lagu rakyat diperkenalkan melalui medium yang dekat dengan kehidupan mereka, seperti persembahan kreatif dan platform digital, minat terhadap lagu tersebut

dapat ditingkatkan. Hal ini menunjukkan bahawa cabaran utama bukan terletak pada lagu itu sendiri, tetapi pada cara penyampaian dan pendekatan yang digunakan.

4.6 Analisis Tema Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, beberapa tema utama telah dikenal pasti bagi menjawab objektif kajian. Analisis tema ini dibina hasil pengelompokan dapatan daripada Responden 1, Responden 2 dan Responden 3.

4.6.1 Tema 1: Watimang Landok sebagai Lambang Identiti Budaya Terengganu

Kesemua responden secara sepakat menyatakan bahawa lagu Watimang Landok merupakan lambang identiti budaya masyarakat Terengganu. Walaupun huraian responden berbeza dari segi gaya dan penekanan, setiap responden mengaitkan lagu ini dengan ciri tempatan seperti dialek Terengganu, cara hidup masyarakat dan warisan budaya negeri.

Responden menegaskan bahawa sebaik sahaja lagu ini diperdengarkan, identitinya sebagai lagu rakyat Terengganu dapat dikenal pasti dengan jelas. Hal ini membuktikan bahawa Watimang Landok berfungsi sebagai penanda identiti kolektif yang mewakili budaya dan jati diri rakyat Terengganu secara menyeluruh.

4.6.2 Tema 2: Penggunaan Dialek sebagai Elemen Teras dalam Lagu Watimang Landok

Satu lagi tema yang muncul dalam kesemua temu bual responden ialah kepentingan penggunaan dialek Terengganu dalam lagu Watimang Landok. Semua responden menyatakan bahawa dialek tempatan merupakan elemen utama yang menjadikan lagu ini istimewa dan berbeza daripada lagu rakyat lain.

Menurut responden, dialek bukan sekadar medium bahasa, malah membawa makna emosi, keakraban dan keaslian budaya. Kesepakatan pandangan ini menunjukkan bahawa penggunaan dialek dalam lagu rakyat dilihat oleh semua responden sebagai medium penting dalam pemeliharaan identiti linguistik dan warisan budaya Terengganu.

4.6.3 Tema 3: Lagu Watimang Landok Mengandungi Nilai dan Pengajaran Hidup

Kesemua responden turut menyatakan bahawa lagu Watimang Landok mengandungi nilai dan pengajaran hidup yang mendalam. Walaupun lagu ini bersifat hiburan, setiap responden menekankan bahawa liriknya membawa mesej tentang kesabaran, ketabahan, kesetiaan dan penerimaan terhadap takdir.

Persamaan pandangan ini menunjukkan bahawa responden melihat lagu rakyat sebagai medium pendidikan tidak formal yang berkesan. Lagu Watimang Landok bukan sahaja menghiburkan, malah mendidik masyarakat tentang cara menghadapi cabaran hidup dengan sikap yang berhemah dan berlapik, selari dengan nilai masyarakat Melayu Terengganu.

4.6.4 Tema 4: Lagu Watimang Landok sebagai Cerminan Kehidupan Masyarakat Tradisional

Semua responden bersetuju bahawa lagu Watimang Landok mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu Terengganu pada masa lalu. Responden menyatakan bahawa penggunaan simbol alam, bahasa kiasan dan metafora dalam lirik lagu menggambarkan cara hidup masyarakat tradisional yang rapat dengan alam sekitar.

Kesepakatan ini membuktikan bahawa lagu Watimang Landok berfungsi sebagai dokumen budaya yang merakam pemikiran, pengalaman dan realiti sosial masyarakat tradisional. Lagu ini menjadi sumber penting untuk memahami cara hidup dan nilai masyarakat Terengganu terdahulu.

4.6.5 Tema 5: Kepentingan Watimang Landok dalam Pemeliharaan Warisan untuk Generasi Muda

Tema terakhir yang dikongsi oleh kesemua responden ialah kepentingan lagu Watimang Landok dalam pemeliharaan warisan budaya untuk generasi muda. Semua responden menyatakan kebimbangan terhadap kelangsungan lagu rakyat sekiranya tidak dipelihara dan didedahkan secara berterusan kepada generasi baharu.

Responden bersetuju bahawa lagu ini perlu terus diperkenalkan melalui pendidikan, program kebudayaan dan persembahan seni agar nilai dan identiti yang terkandung di dalamnya tidak hilang ditelan zaman. Kesepakatan ini menunjukkan bahawa Watimang Landok dianggap oleh semua responden sebagai warisan budaya tidak ketara yang wajar dipelihara secara berterusan.

4.7 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dapatan kajian berdasarkan hasil temu bual bersama responden berkaitan kepentingan lagu Watimang Landok dalam pembentukan identiti budaya rakyat Terengganu. Analisis tematik merentas responden mendapati bahawa kesemua responden berkongsi lima tema utama, iaitu lagu Watimang Landok sebagai lambang identiti budaya Terengganu, medium penggunaan dialek tempatan, penyampai nilai dan pengajaran hidup, cerminan kehidupan masyarakat tradisional serta alat pemeliharaan warisan budaya untuk generasi muda.

Keseragaman dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa lagu Watimang Landok bukan sekadar sebuah lagu rakyat, malah memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk jati diri dan identiti masyarakat Terengganu. Lagu ini sarat dengan elemen budaya dan nilai tradisional yang masih relevan dalam konteks semasa, sekali gus membuktikan kepentingannya sebagai warisan budaya tidak ketara yang wajar dipelihara dan diwariskan secara berterusan. Bab seterusnya akan membincangkan kesimpulan keseluruhan kajian serta mengemukakan cadangan bagi memastikan kelangsungan lagu Watimang Landok sebagai warisan budaya masyarakat Terengganu.

BAB VI

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab penutup bagi kajian bertajuk Kepentingan Lagu Watimang Landok dalam Pembentukan Identiti Rakyat Terengganu: Satu Analisis antara Lirik dan Identiti Budaya Rakyat Terengganu. Perbincangan dalam bab ini merumuskan dapatan utama kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, implikasi kajian serta cadangan untuk kajian lanjutan dan usaha pemeliharaan warisan budaya turut dikemukakan.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti elemen budaya yang terkandung dalam lirik lagu Watimang Landok serta menilai kepentingannya dalam pembentukan identiti dan jati diri rakyat Terengganu. Berdasarkan analisis lirik dan dapatan temu bual, kajian ini mendapati bahawa lagu Watimang Landok merupakan sebuah lagu rakyat yang sarat dengan unsur budaya tempatan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan dialek Terengganu dalam lirik lagu berperanan sebagai penanda identiti linguistik masyarakat setempat. Selain itu, lirik lagu ini turut mengandungi simbol alam dan perumpamaan tradisional yang mencerminkan cara

hidup, pemikiran serta nilai masyarakat Melayu Terengganu. Nilai-nilai seperti kesetiaan, ketabahan, kesopanan dan penerimaan terhadap takdir jelas tersirat dalam lirik lagu tersebut.

Kajian ini juga mendapati bahawa lagu Watimang Landok bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan, malah menjadi medium pemindahan budaya antara generasi. Lagu ini membantu memperkenalkan nilai budaya dan identiti tempatan kepada generasi muda serta mengukuhkan hubungan antara generasi tua dan muda dalam masyarakat. Perubahan fungsi lagu ini daripada konteks ritual kepada hiburan moden menunjukkan kebolehsuaian warisan budaya tanpa menghilangkanan nilai asalnya.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa lagu Watimang Landok memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti budaya dan jati diri rakyat Terengganu.

5.3 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini memberikan implikasi yang signifikan kepada beberapa pihak. Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada penambahan literatur berkaitan lagu rakyat Melayu, khususnya lagu rakyat Terengganu yang masih kurang dikaji secara terperinci. Kajian ini juga membuktikan bahawa analisis lirik lagu rakyat merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam kajian budaya dan identiti.

Dari sudut pendidikan dan masyarakat, kajian ini menunjukkan bahawa lagu rakyat boleh dimanfaatkan sebagai medium pendidikan budaya tidak formal dalam usaha membentuk jati diri dan kesedaran budaya dalam kalangan generasi muda. Pendedahan terhadap lagu Watimang Landok dapat meningkatkan penghargaan terhadap warisan budaya tempatan serta memupuk rasa bangga terhadap identiti negeri.

Selain itu, kajian ini turut memberi implikasi kepada usaha pemuliharaan warisan budaya tidak ketara. Lagu Watimang Landok berpotensi untuk didokumentasikan dan dipromosikan secara sistematik sebagai salah satu warisan budaya Terengganu yang bernilai.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan hasil kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk penyelidikan akan datang. Pertama, kajian lanjutan boleh melibatkan kajian lapangan yang lebih meluas dengan bilangan responden yang lebih besar bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Kedua, kajian perbandingan antara lagu Watimang Landok dengan lagu rakyat lain di Terengganu atau negeri-negeri lain boleh dijalankan untuk meneliti persamaan dan perbezaan dalam pembentukan identiti budaya tempatan.

Ketiga, penyelidikan pada masa hadapan juga boleh menumpukan kepada peranan media digital dan platform dalam talian dalam memelihara dan mempopularkan lagu rakyat kepada generasi muda agar warisan budaya ini terus relevan dalam era moden.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian dengan mengenal pasti elemen budaya dalam lirik lagu Watimang Landok serta menjelaskan kepentingannya dalam pembentukan identiti dan jati diri rakyat Terengganu. Lagu ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan tradisional, tetapi juga sebagai medium pemeliharaan bahasa, nilai dan budaya masyarakat tempatan.

Oleh itu, usaha berterusan perlu dilakukan oleh masyarakat, institusi pendidikan dan agensi kebudayaan bagi memastikan lagu rakyat seperti Watimang Landok terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang. Pemeliharaan warisan budaya tidak ketara ini penting dalam mengekalkan identiti budaya dan memperkukuh jati diri masyarakat Melayu Terengganu.

Rujukan

- Abd Rahim, N., & MANSOR, N. M. D. N. R. (2014). Perbualan Masyarakat Daerah
- Abdullah, N. S., Mohamad Soupi, N., Samsudin, A. Z. H., & Ahmad, M. N. (2019). Tokoh Lagu Rakyat Negeri Terengganu: Ramli Bin Ibrahim. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)*, 3(2), 29-36.
- Ayob, N. S., Hussin, N. A. M., Ghazali, S. A. I., & Ibrahim, Z. (2023). Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 4(2), 132-142.
- Basyari, I. W. (2013). Menanamkan identitas kebangsaan melalui pendidikan berbasis nilai-nilai budaya lokal. *Edunomic Jurnal Pendidikan Ekonomi*, 1(2).
- ERIK, N. S. E. (2022). Nilai Murni dalam Lagu Rakyat Melayu Sarawak:: Puteri Santubong. *JURNAL KEPULAUAN*, 1(02), 6-6.
- Hasan, N. A., & Jaafar, S. R. S. (2017). Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika*, 87(1), 165-175.
- Istiqomah, N., & Giovani, E. (2023). Nilai religius dalam lagu rakyat Malind-Anim Merauke: Kajian sosiologi sastra. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra dan Pengajaran (KIBASP)*, 7(1), 383-398.
- Jalaluddin, N. H., Wan Abdul Halim, W. A. A., & Radzi, H. (2021). Sorotan Dialek di Terengganu Selepas Tiga Dekad: Perspektif Geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(3).
- Jaya, D. P. (2012). Budaya dan Identitas.

Jehwae, A. (2024). MANIFESTASI SOSIOBUDAYA DALAM LAGU RAKYAT MELAYU PATANI DAN MALAYSIA: SOCIOCULTURAL MANIFESTATION IN FOLK SONGS OF THE MALAY PATANI AND MALAYSIA. JURNAL MELAYU SEDUNIA, 7(1), 95-114.

Kuala Terengganu. Journal of Business dan Social Development, 2(1), 49-56.

Lestari, U. F. L. (2012). Unsur Didaktis Dalam Syair Lagu Rakyat Papua. ATAVISME, 15(2), 247-259.

Nugroho, Y. Y. T. (2021). Karakteristik Lagu Rakyat dan Pentingnya Pengarsipan Kesenian Lokal Indonesia. Praxis: Jurnal Sains, Teknologi, Masyarakat dan Jejaring, 3(2), 146-155.

Setiowati, S. P. (2020). Pembentukan Karakter Anak Pada Lagu Tokecang, Jawa Barat. Jurnal Ilmu Budaya, 8(1), 172-177.

Setyaningrum, B., & Diah, N. (2018). Budaya lokal di era global. Ekpresi Seni, 20(2), 102-112.

Syed, M. A. M., Noor, S. Y. A., & Abidin, M. Z. Z. (2015). Penggunaan kandungan media dan pembentukan idea politik dan identiti budaya baharu dalam kalangan belia melayu. Malaysian Journal of Youth Studies, 187-205

Tarakanita, I., & Cahyono, M. Y. M. (2013). Komitmen identitas etnik dalam kaitannya dengan eksistensi budaya lokal. Jurnal Zenit, 2(2), 1-14.

GAMBAR KERJA LAPANGAN



Gambar 1 : Bersama Mustafa bin Mohamad (Cikgu Pa), Penggiat Seni Tradisional,
Rumah Cikgu Pa, Taman Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu



Gambar 2 : Bersama Mohammad Faiz Haikal bin Mohammad Ziki, Penari, JKKN
Negeri Terengganu



Gambar 3 : Muhammad Najmi bin Mohamad Jafri Pasakorn, Pegawai Unit Komunikasi dan Korporat, JKKN Negeri Terengganu



Gambar 4 : Bersama-sama , Pegawai Unit Komunikasi dan Korporat serta penari JKKN Negeri Terengganu